

# Laporan dan Penyata Kewangan 31 Disember 2008

## Kandungan

Laporan Pengarah	10 - 14
Penyata Para Pengarah	15
Akuan Berkanun	15
Laporan Juruaudit	16
Lembaran Imbangan	17
Penyata Pendapatan	18
Akaun Hasil Insurans Am	19 - 20
Penyata Perubahan Dalam Ekuiti	21
Penyata Aliran Tunai	22
Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan	23 - 43

## Laporan Pengarah

Untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2008

Para pengarah dengan sukacitanya membentangkan laporan mereka berserta dengan penyata kewangan Syarikat yang telah diaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2008.

### Aktiviti Utama

Aktiviti utama Syarikat ialah menjalankan perniagaan penanggungans semua kelas insurans am. Tidak terdapat perubahan ketara dalam kegiatan-kegiatan di sepanjang tahun kewangan ini.

### Keputusan Kewangan

Keuntungan untuk tahun kewangan RM 10,747,523

### Dividen

Dividen yang telah dibayar atau diisytiharkan oleh Syarikat semenjak 31 Disember 2007 adalah seperti berikut:-

Berhubung dengan tahun berakhir 31 Disember 2008, suatu dividen kasar interim 11.8 sen sesaham, tolak cukai pendapatan, telah dibayar pada 5 September 2008 RM 18,861,120

### Rizab dan Peruntukan

Tiada sebarang pindahan penting kepada atau daripada rizab atau peruntukan bagi tahun kewangan ini melainkan. yang telah dinyatakan di dalam penyata kewangan.

### Peruntukan bagi Tuntutan Tertunggak

Sebelum penyata pendapatan dan lembaran imbangan Syarikat disediakan, para pengarah telah mengambil langkah-langkah yang wajar untuk menentukan bahawa peruntukan yang mencukupi telah dibuat, termasuk tuntutan tertunggak tetapi tidak dilaporkan (IBNR).

### Hutang Lapuk dan Hutang Ragu

Sebelum penyata pendapatan dan lembaran imbangan Syarikat disediakan, para pengarah telah mengambil langkah-langkah yang wajar untuk menentukan supaya tindakan yang wajar telah diambil berkaitan dengan perlupusan hutang lapuk dan membuat elaun untuk hutang ragu, dan berpuas hati bahawa semua hutang lapuk yang diketahui telah dilupuskan dan peruntukan yang secukupnya telah dibuat untuk hutang ragu.

Pada tarikh laporan ini, para pengarah tidak mengetahui tentang sebarang keadaan yang boleh menyebabkan jumlah hutang lapuk yang dihapuskan atau jumlah elaun hutang ragu dalam penyata kewangan Syarikat tidak mencukupi dengan perbezaan yang ketara.

### Aset Semasa

Sebelum penyediaan penyata pendapatan dan lembaran imbangan Syarikat, para pengarah telah mengambil langkah-langkah yang munasabah untuk menentukan bahawa sebarang aset semasa yang berkemungkinannya tidak direalis dalam perjalanan biasa perniagaan, yang nilai-nilainya ditunjukkan dalam rekod perakaunan Syarikat, telah dinyatakan pada satu amaun yang mereka menjangkakan secara munasabah untuk merealisnya.

Pada tarikh laporan ini, para pengarah tidak mengetahui tentang sebarang keadaan yang boleh membuatkan nilai-nilai yang berhubungkait dengan aset semasa dalam penyata kewangan Syarikat itu mengelirukan.

### Kaedah Penilaian

Pada tarikh laporan ini, para pengarah tidak menyedari tentang sebarang keadaan yang berbangkit yang menyebabkan kaedah penilaian aset dan liabiliti Syarikat mengelirukan atau tidak bersesuaian.

## Liabiliti Luar Jangka dan Lain-Lain Liabiliti

Pada tarikh laporan ini, tidak terdapat:

- a) sebarang cagaran ke atas aset Syarikat yang telah timbul sejak berakhirnya tempoh kewangan yang menjamin liabiliti pihak-pihak lain; atau
- b) sebarang liabiliti luar jangka yang melibatkan Syarikat sejak berakhirnya tempoh kewangan.

Tiada liabiliti luar jangka atau lain-lain liabiliti yang telah berkuatkuasa, atau mungkin akan berkuatkuasa dalam tempoh dua belas bulan selepas berakhirnya tahun kewangan yang, pada pendapat para pengarah, akan atau pada dasarnya mungkin menjejaskan keupayaan Syarikat untuk menunaikan segala kewajipan apabila tiba masanya.

Untuk tujuan perenggan ini, liabiliti luar jangka dan lain-lain liabiliti tidak meliputi liabiliti yang diwujudkan daripada kontrak-kontrak penanggungan insurans dalam urusniaga biasa Syarikat.

## Perubahan Keadaan

Pada tarikh laporan ini, para pengarah tidak mengetahui sebarang keadaan, yang tidak diambil kira di dalam laporan ini atau penyata kewangan Syarikat, yang mungkin menyebabkan kekeliruan dalam mana-mana jumlah yang dinyatakan di dalam penyata kewangan.

## Perkara-Perkara Luar Biasa

Keputusan operasi Syarikat sepanjang tahun telah tidak, pada pendapat para pengarah, terjejas secara besar-besaran oleh mana-mana perkara, urusniaga atau peristiwa yang bersifat material dan luar biasa.

Pada pendapat para pengarah, tiada sebarang perkara berbangkit pada jangka waktu diantara tarikh akhir tempoh kewangan dan tarikh laporan ini, urusniaga atau kejadian yang penting dan luar biasa yang boleh menjejaskan dengan ketara hasil operasi Syarikat untuk tempoh kewangan laporan ini.

## Urustadbir Korporat

Syarikat telah mematuhi segala syarat preskripsi dan menerap amalan pengurusan yang selaras dengan prinsip-prinsip yang termaktub di bawah JPI/GPI 25: Rangka Hemat Urustadbir Korporat bagi Penginsurans yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia.

Syarikat dan para pengarah benar-benar komited untuk menentukan pengamalan piawaian tertinggi dalam aspek urustadbir korporat. Sesungguhnya, penyepaduan merupakan nilai asas perniagaan yang diterap dan disemai-subur dalam segenap kegiatan Syarikat.

### a) Tanggungjawab dan Jangkauan Prihatin Lembaga Pengarah

Lembaga Pengarah merangkumi enam orang pengarah, yang diwakili dua pengarah bebas (termasuk pengerusi), tiga pengarah bukan-eksekutif dan seorang pengarah eksekutif. Para pengarah telah bermesyuarat sebanyak enam kali sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2008 dan enam mesyuarat telah dijadualkan bagi tahun 2009, mesyuarat tambahan boleh diadakan sekiranya perlu untuk berbuat demikian.

Lembaga pengarah bertanggungjawab ke atas keseluruhan aspek urustadbir korporat Syarikat dan benar-benar komited untuk menentukan bahawa piawaian tertinggi yang mungkin disenggara sambil mematuhi Akta, Peraturan dan Garispanduan yang ditetapkan. Para pengarah ternyata membawa masuk ke Lembaga Pengarah aneka pengalaman bidang perniagaan dan kewangan serta menyertai sepenuhnya dalam segala keputusan berhubung isu-isu utama yang dihadapi oleh Syarikat.

### b) Jawatankuasa

Lembaga Pengarah disokong oleh beberapa buah jawatankuasa yang terdiri daripada ahli Lembaga Pengarah. Jawatankuasa utama Lembaga ialah Jawatankuasa Audit, Pencalonan, Ganjaran dan Pengurusan Risiko.

Keahlian jawatankuasa ditinjau sekurang-kurangnya sekali setahun dan Jawatankuasa tersebut bermesyuarat mengikut kekerapan yang ditetapkan untuk mengurus hal-hal yang dirujuk oleh Lembaga Pengarah dan kehadiran ahli Jawatankuasa di mesyuarat Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa dinyatakan dalam jadual kehadiran mesyuarat laporan ini.

#### (i) Jawatankuasa Audit

Keahlian Jawatankuasa Audit merangkumi dua orang pengarah bebas dan seorang pengarah bukan-eksekutif. Ahli semasa Jawatankuasa Audit ialah Alwyn Graeme Anschutz (Pengerusi), Dato' Nik Mohamed Din Bin Datuk Nik Yusoff dan Lau Cheong Koon.

## Laporan Pengarah (sambung)

Untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2008

### Urustadbir Korporat (sambung)

Jawatankuasa Audit beroperasi di bawah terma rujukan bertulis yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah dan peranan Jawatankuasa ialah menyelia dan merangsang kredibiliti proses pelaporan kewangan Syarikat serta menentukan bahawa segala dasar tatacara dan semua garis panduan berkanun dan bukan-berkanun dipatuhi.

Terdapat tatacara formal bagi juruaudit dalaman dan luaran untuk melaporkan rumusan dan pengesyoran kepada pihak pengurusan dan kepada Jawatankuasa Audit. Semua aspek sistem kawalan dalaman adalah tertakluk kepada tinjauan semula untuk menentukan kecukupan dan keberkesannya.

#### (ii) Jawatankuasa Pencalonan

Keahlian Jawatankuasa Pencalonan merangkumi dua orang pengarah bebas dan tiga orang pengarah bukan eksekutif. Ahli semasa jawatankuasa ialah Dato' Nik Mohamed Din Bin Datuk Nik Yusoff (Pengerusi), Alwyn Graeme Anschutz, Lau Cheong Koon, Michael John Goodwin dan James David Rudkin. Jawatankuasa Pencalonan beroperasi di bawah terma rujukan bertulis yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah, sambil mengambilkira semua garis panduan yang berkaitan dari Bank Negara Malaysia. Peranan Jawatankuasa ialah untuk menentukan keperluan minimum bagi perlantikan ahli Lembaga Pengarah, Ketua Pegawai Eksekutif dan pegawai kanan utama, termasuk menyelia komposisi, saiz dan kemahiran ahli-ahli Lembaga Pengarah dan keberkesanan masing-masing.

Jawatankuasa percaya bahawa kemahiran, pengalaman dan keunggulan pengarah menjadi tunjang kepada kecekapan perjalanan operasi perniagaan.

#### (iii) Jawatankuasa Ganjaran

Keahlian Jawatankuasa Ganjaran merangkumi dua orang pengarah bebas dan tiga orang pengarah bukan-eksekutif. Ahli semasa Jawatankuasa Ganjaran ialah Dato' Nik Mohamed Din Bin Datuk Nik Yusoff (Pengerusi), Alwyn Graeme Anschutz, Lau Cheong Koon, Michael John Goodwin dan James David Rudkin.

Jawatankuasa Ganjaran beroperasi di bawah terma rujukan bertulis yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah dan bertanggungjawab merangka polisi ganjaran Syarikat bagi para pengarah, Ketua Pegawai Eksekutif dan pegawai kanan utama. Jawatankuasa ini mempertimbangkan pengesyoran dari pihak pengurusan dan menyediakan pengesyoran spesifik tentang pakej ganjaran dan lain-lain terma perjawatan untuk pengarah eksekutif dan bukan-eksekutif, pengurusan kanan serta kemajuan kakitangan demi menentukan kakitangan berkualiti terus kekal berkhidmat dengan Syarikat.

#### (iv) Jawatankuasa Pengurusan Risiko

Jawatankuasa Pengurusan Risiko merangkumi dua orang pengarah bebas dan tiga orang pengarah bukan-eksekutif. Ahli semasa Jawatankuasa Pengurusan Risiko ialah Alwyn Graeme Anschutz (Pengerusi), Dato' Nik Mohamed Din Bin Datuk Nik Yusoff, Lau Cheong Koon, Michael John Goodwin dan James David Rudkin.

Jawatankuasa Pengurusan Risiko beroperasi di bawah terma rujukan bertulis yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah dan bertanggungjawab menyelia kegiatan pengurusan kanan dalam mengurus bidang risiko utama Syarikat.

Syarikat telah mengasaskan kawalan dalaman untuk mengurus risiko di bidang utama pendedahan berhubungkait dengan perniagaannya dan Jawatankuasa mempunyai suatu rangka kerja pengurusan risiko yang digunakan untuk mengenalpasti bidang risiko perniagaan utama dan seterusnya mengurus risiko sedemikian dengan segera. Sistem-sistem direka sedemikian rupa agar menawarkan jaminan yang munasabah bahawa aset Syarikat adalah terpelihara, dan pendedahan risiko insurans adalah dalam lingkungan yang dikehendaki, insurans semula adalah memadai dan pihak-pihak balas adalah tertakluk kepada taksiran sekuriti.

Skop kawalan dalaman bukan hanya meliputi kawalan kewangan tetapi juga kawalan operasi dan pematuhan serta pengurusan risiko. Sistem tersebut bertujuan untuk menyediakan jaminan yang munasabah, tetapi bukannya jaminan mutlak, terhadap salah-kenyataan kewangan atau kerugian material.

Jawatankuasa berfungsi untuk mengesyor dan Lembaga Pengarah pula meluluskan Strategi Pengurusan Risiko dan Strategi Pengurusan Insurans Semula atas dasar tahunan dan bertanggungjawab kepada para pemegang saham berhubung prestasi Syarikat, dan dengan itu, memenuhi peranan genting dalam mengasas dan menyenggara suatu strategi pengurusan risiko yang berkesan.

### c) Kebertanggungjawaban Pengurusan

Syarikat memiliki struktur organisasi yang terdokumentasi dan terkemaskini yang memaparkan segala jaringan pelaporan di samping perihalan tugas yang terdokumentasi secara jelas bagi kakitangan pengurusan dan eksekutif.

Satu proses formal bagi membangun dan mengawalselia sasaran individu atas dasar keperundingan sememangnya diamalkan bagi tujuan penilaian prestasi kakitangan demi menentukan bahawa segala sasaran sedemikian adalah sejajar dengan objektif dan tanggungjawab korporat Syarikat.

#### d) Kebebasan Bertanggungjawab Awam

Syarikat sentiasa berusaha untuk menentukan bahawa perniagaannya dijalankan secara saksama, jujur dan profesional.

#### e) Kebebasan Korporat

Segala urusan niaga pihak berkaitan telah dinyatakan dalam nota-nota kepada penyata kewangan.

#### f) Pelaporan Kewangan

Para pengarah bertanggungjawab menentukan bahawa rekod perakaunan disenggara dengan sempurna dan bahawa penyata kewangan Syarikat disediakan menurut piawaian perakaunan MASB yang diluluskan di Malaysia untuk Entiti selain daripada Entiti Persendirian.

Lembaga Pengarah dan Pengurusan Kanan menerima laporan kewangan dan pengurusan dari masa ke semasa bagi membolehkan mereka mengawalselia secara berkesan prestasi kewangan dan halatuju Syarikat berhubung objektif dan tanggungjawab korporat.

### Mesyuarat Pengarah

Bilangan Mesyuarat Diadakan	Mesyuarat Jawatankuasa				
	Mesyuarat Penuh Para Pengarah	Audit	Pencalonan	Ganjaran	Pengurusan Risiko
	6 Jumlah Dihadiri	5 Jumlah Dihadiri	3 Jumlah Dihadiri	2 Jumlah Dihadiri	5 Jumlah Dihadiri
Alwyn Graeme Anschutz	5/6	5/5	3/3	2/2	4/5
Dato' Nik Mohamed Din Bin Datuk Nik Yusoff	5/6	5/5	3/3	2/2	4/5
Tai Lee Heng (Letak jawatan pada 31.03.2008)	2/2	-	-	-	-
Lau Cheong Koon	6/6	5/5	3/3	2/2	5/5
Graeme John Evans	6/6	-	-	-	-
Michael John Goodwin	6/6	-	3/3	2/2	5/5
James David Rudkin	6/6	-	3/3	2/2	5/5

### Para pengarah dan kepentingan mereka dalam saham-saham

#### a) Para pengarah yang berkhidmat sejak tarikh laporan yang lalu ialah:-

Alwyn Graeme Anschutz  
Dato' Nik Mohamed Din Bin Datuk Nik Yusoff  
Lau Cheong Koon  
Michael John Goodwin  
James David Rudkin  
Graeme John Evans (Letak jawatan pada 30.01.2009)  
Tai Lee Heng (Letak jawatan pada 31.03.2008)  
Philip David Gribble (Dilantik pada 30.01.2009)

#### b) Menurut Artikel 63 Tataurus Pertubuhan Syarikat, Lau Cheong Koon dan James David Rudkin bersara mengikut giliran pada Mesyuarat Agung Tahunan yang akan datang, dan kerana layak, menawarkan diri mereka untuk dilantik semula.

#### c) Menurut Artikel 68 Tataurus Persatuan Syarikat, Philip David Gribble, yang dilantik pada tahun kewangan, akan bersara di Mesyuarat Agung Tahunan yang akan datang, dan oleh sebab layak, menawarkan diri untuk dilantik.

#### d) Alwyn Graeme Anschutz akan bersara selaras dengan Seksyen 129 Akta Syarikat, 1965 di Mesyuarat Agung Tahunan yang akan datang dan menawarkan diri untuk dilantik semula untuk memegang jawatan hingga tamatnya Mesyuarat Agung Tahunan yang akan datang bagi Syarikat.

#### e) Butiran mengenai kepentingan para pengarah secara langsung dan tidak langsung di dalam saham Syarikat dan korporat berkaitan berkenaan adalah seperti berikut:

Saham-saham dalam QBE Insurance Group Limited (Syarikat induk muktamad):	--- Bilangan saham-saham biasa A\$1 sesaham ---			
	Pada 1.1.2008	Dibeli	Dijual	Pada 31.12.2008
Alwyn Graeme Anschutz	5,000*	-	-	5,000
James David Rudkin	39,323	18,366	24,714	32,975
Graeme John Evans	47,451	28,198	34,991	40,658
Michael John Goodwin	6,236	4,800	-	11,036

Nota: \*- Dianggap kepentingan secara tidak langsung yang dipegang melalui AGA Superannuation Fund (Baki pembukaan dinyatakan semula).

## Laporan Pengarah (sambung)

Untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2008

### Para pengarah dan kepentingan mereka dalam saham-saham (sambung)

f) Opsyen yang ditawarkan kepada para pengarah oleh QBE Insurance Group Limited adalah seperti berikut:

	--- Bilangan opsiyen berbanding saham-saham biasa A\$1 sesaham ---			
	Pada 1.1.2008	Ditawarkan	Digunakan/ Luput	Pada 31.12.2008
James David Rudkin	19,160	4,909	-	24,069
Graeme John Evans	4,530	671	-	5,201
Michael John Goodwin	15,077	7,934	-	23,011

g) Hak ke atas saham dalam QBE Insurance Group Limited yang diberi kepada para pengarah adalah seperti berikut:

	--- Bilangan saham hak berbanding saham-saham biasa A\$1 sesaham ---			
	Pada 1.1.2008	Ditawarkan	Digunakan	Pada 31.12.2008
James David Rudkin	8,252	2,859	3,659	7,452
Graeme John Evans	1,997	443	459	1,981
Michael John Goodwin	6,572	4,330	4,201	6,701

h) Selain daripada yang dinyatakan di atas, tiada seorang pun pengarah lain yang memegang jawatan hingga hujung tahun kewangan mempunyai sebarang kepentingan dalam saham atau debentur Syarikat atau perbadanan yang berkaitan sepanjang tahun kewangan.

### Ganjaran-Ganjaran Para Pengarah

Sepanjang dan di hujung tahun kewangan, tiada wujud sebarang perkiraan dalam mana Syarikat menjadi satu pihak dengan objek atau objek-objek yang membolehkan para pengarah Syarikat memperoleh faedah secara pengambilalih saham atau debentur Syarikat atau mana-mana badan korporat yang lain, selain opsiyen dan hak yang diberi atas saham-saham perbadanan induk mutlak seperti yang dinyatakan dalam laporan ini.

Sejak akhir tempoh kewangan yang lalu, tiada pengarah Syarikat yang telah menerima atau berhak untuk menerima sebarang ganjaran (selain daripada ganjaran meliputi jumlah agregat yuran dan lain-lain emolumen yang diterima atau berhak diterima oleh para pengarah yang dinyatakan didalam penyata kewangan) hasil dari kontrak yang dibuat oleh Syarikat ataupun syarikat yang berkaitan dengan pengarah atau firma yang mana pengarah tersebut adalah seorang ahli atau dengan syarikat di mana pengarah tersebut mempunyai kepentingan kewangan yang ketara, melainkan bahawasanya sesetengah pengarah telah menerima ganjaran dari syarikat induk muktamad dan lain-lain perbadanan yang berkaitan.

### Syarikat Induk Muktamad

Para pengarah menganggap bahawa QBE Insurance Group Limited, sebuah syarikat yang diperbadankan di Australia, sebagai syarikat induk muktamad.

### Pejabat Berdaftar dan Tempat Urusan Perniagaan Utama

Pejabat berdaftar dan tempat urusan perniagaan utama Syarikat adalah terletak in No. 638, Aras 6 Blok B1, Pusat Dagang Setia Jaya (Leisure Commerce Square), No 9 Jalan PJS 8/9, 46150 Petaling Jaya, Selangor.

### Juruaudit

Juruaudit Syarikat, PricewaterhouseCoopers, telah menyatakan kesanggupan untuk meneruskan perkhidmatan mereka.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah menurut resolusi mereka bertarikh 10 Februari 2009.

Dato' Nik Mohamed Din Bin Datuk Nik Yusoff  
Pengarah

Petaling Jaya

Lau Cheong Koon  
Pengarah

## Penyata Para Pengarah

MENURUT SEKSYEN 169 (15) AKTA SYARIKAT, 1965

Kami, Dato' Nik Mohamed Din Bin Datuk Nik Yusoff dan Lau Cheong Koon, dua daripada para pengarah QBE Insurance (Malaysia) Berhad dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat para pengarah, penyata kewangan yang dibentangkan di mukasurat 17 hingga 43 telah disediakan mengikut gambaran yang benar dan saksama berkenaan dengan kedudukan Syarikat pada 31 Disember 2008 dan mengenai keputusan berkenaan dan penyata aliran tunai untuk tempoh berakhir pada tarikh tersebut mengikut piawaian-piawaian perakaunan yang diluluskan di Malaysia untuk Entiti selain daripada Entiti Persendirian dan peruntukan-peruntukan Akta Syarikat, 1965.

Ditandatangani bagi pihak para pengarah mengikut resolusi mereka pada 10 Februari 2009

Dato' Nik Mohamed Din Bin Datuk Nik Yusoff  
Pengarah

Petaling Jaya

Lau Cheong Koon  
Pengarah

## Akuan Berkanun


MENURUT SEKSYEN 169 (16) AKTA SYARIKAT, 1965

Saya, Kok Yew Kong, pegawai yang terutamanya bertanggungjawab terhadap pengurusan kewangan QBE Insurance (Malaysia) Berhad, dengan sesungguhnya dan seikhlasnya mengaku bahawa, sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, penyata kewangan yang dibentangkan di mukasurat 17 hingga 43 adalah betul, dan saya membuat pengakuan ini dengan penuh kepercayaan bahawa ianya benar dan dibuat mengikut peruntukan-peruntukan Akta Akuan Berkanun, 1960.

Kok Yew Kong

Ditandatangani dan diisytiharkan oleh Kok Yew Kong di Petaling Jaya, Selangor, Malaysia pada 10 Februari 2009.

Di hadapan saya,



Pesuruhjaya Sumpah

203, Blok B3, Pusat Dagang Setia Jaya,  
No 9, Jalan PJS 8/9,  
46150 Petaling Jaya.

## Laporan Juruaudit kepada ahli-ahli QBE Insurance (Malaysia) Berhad

### Laporan Tentang Penyata Kewangan

Kami telah mengaudit penyata kewangan QBE Insurance (Malaysia) Berhad, yang merangkumi lembaran imbangan pada 31 Disember 2008, dan penyata pendapatan, penyata perubahan dalam ekuiti dan penyata aliran tunai bagi tahun yang berakhir pada tarikh tersebut, dan ringkasan dasar-dasar perakaunan penting dan nota-nota penjelasan yang lain, seperti yang dibentangkan di halaman 17 hingga 43.

#### Tanggungjawab Pengarah bagi Penyata Kewangan

Para Pengarah Syarikat adalah bertanggungjawab bagi penyediaan dan pembentangan saksama bagi penyata kewangan ini menurut Piawaian Perakaunan yang Diluluskan oleh MASB di Malaysia bagi Entiti Selain Entiti Swasta dan Akta Syarikat, 1965. Tanggungjawab ini termasuklah: merekabentuk, melaksana dan menyenggara kawalan kos dalaman yang berhubungkait dengan penyediaan dan pembentangan saksama penyata kewangan yang bebas dari sebarang salah-kenyataan material, sama ada disebabkan penipuan atau ralat; memilih dan menggunakan dasar-dasar perakaunan yang sesuai; dan menyediakan anggaran perakaunan yang munasabah dalam keadaan yang sedia wujud.

#### Tanggungjawab Juruaudit

Tanggungjawab kami ialah untuk menyatakan pendapat berhubung penyata kewangan ini berdasarkan audit kami. Kami telah menjalankan audit kami menurut piawaian audit yang diluluskan di Malaysia. Piawaian ini berkehendakan bahawa kami mematuhi syarat-syarat dan pelan etika dan menjalankan audit untuk mendapatkan jaminan munasabah sama ada penyata kewangan adalah bebas dari sebarang salah-kenyataan material.

Audit melibatkan pelaksanaan tatacara untuk mendapatkan bukti audit tentang amaun dan pendedahan dalam penyata kewangan. Tatacara yang dipilih adalah bergantung kepada perkiraan kami, termasuk penaksiran risiko salah-kenyataan material bagi penyata kewangan, sama ada disebabkan penipuan atau ralat. Dalam proses membuat penaksiran risiko, kami mempertimbangkan kawalan dalaman yang relevan kepada penyediaan dan pembentangan saksama penyata kewangan Syarikat bagi menyediakan reka bentuk tatacara audit yang bersesuaian dalam keadaan berkenaan, tetapi bukannya untuk tujuan menyatakan pendapat berhubung keberkesanan kawalan dalaman entiti. Suatu audit turut merangkumi penilaian kesesuaian dasar-dasar perakaunan yang digunakan dan kemunasabahan anggaran perakaunan yang dibuat oleh para pengarah, serta menilai keseluruhan pembentangan penyata kewangan.

Kami percaya bahawa bukti audit yang telah kami perolehi adalah mencukupi dan sesuai untuk menyediakan satu asas bagi pendapat audit kami.

#### Pendapat

Pada pendapat kami, penyata kewangan telah disediakan dengan teratur menurut Piawaian Perakaunan yang Diluluskan Di Malaysia oleh MASB bagi Entiti Selain Entiti Swasta dan Akta Syarikat, 1965 supaya memberi gambaran yang betul dan saksama berhubung kedudukan kewangan Syarikat pada 31 Disember 2008 dan prestasi kewangan dan aliran tunainya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

### LAPORAN TENTANG LAIN-LAIN SYARAT PERUNDANGAN DAN PERATURAN

Menurut syarat-syarat Akta Syarikat, 1965 di Malaysia, kami juga melaporkan bahawa, pada pendapat kami, rekod-rekod perakaunan dan lain-lain rekod serta daftar yang diperlukan oleh Akta tersebut untuk disimpan oleh Syarikat telah disimpan secara teratur mengikut peruntukan akta.

#### LAIN-LAIN HAL

Laporan ini disediakan untuk para ahli sahaja, sebagai satu perbadanan, menurut Seksyen 174 Akta Syarikat 1965 di Malaysia dan tidak untuk tujuan lain. Kami tidak bertanggungjawab kepada mana-mana orang berhubung kandungan laporan ini.



PricewaterhouseCoopers  
[No. AF: 1146]  
Akauntan Bertauliah



Jayarajan A/L U. Rathinasamy  
[No. 2059/06/10 (J)]  
Akauntan Bertauliah

Kuala Lumpur  
10 Februari 2009

# Lembaran Imbangan

Pada 31 Disember 2008

	Nota	2008 RM	2007 RM
<b>Aset</b>			
Hartanah dan peralatan	5	8,241,817	8,709,946
Hartanah pelaburan	6	350,000	350,000
Pelaburan	7	235,016,788	240,142,558
Penerimaan dan lain-lain aset	8	22,964,907	20,862,243
Cukai dipulih		234,593	234,593
Aset cukai tertunda	9	3,299,716	3,652,853
Tunai dan baki di bank		12,198,408	13,813,215
<b>Jumlah aset</b>		<b>282,306,229</b>	<b>287,765,408</b>
<b>Liabiliti</b>			
Peruntukan tuntutan tertunggak	10	95,830,052	95,810,980
Pembayaran dan lain-lain liabiliti	12	17,833,490	17,787,918
Liabiliti cukai tertunda		835,520	3,283,184
Amaun terhutang kepada Syarikat induk	25	64,927	87,630
		114,563,989	116,969,712
Rizab premium tidak diperolehi	14	42,872,326	37,812,185
<b>Jumlah liabiliti</b>		<b>157,436,315</b>	<b>154,781,897</b>
<b>Ekuiti pemegang saham</b>			
Modal saham	16	108,000,000	108,000,000
Perolehan tertahan		16,869,914	24,983,511
		124,869,914	132,983,511
<b>Jumlah liabiliti dan ekuiti pemegang saham</b>		<b>282,306,229</b>	<b>287,765,408</b>

Nota-nota yang mengiringi adalah sebahagian integral daripada penyata kewangan ini.

## Penyata Pendapatan

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2008

	Nota	2008 RM	2007 RM
<b>Pendapatan operasi</b>	24	104,683,999	147,145,438
<b>Dana pemegang saham</b>			
Perbelanjaan pengurusan	20	(23,669)	(33,777)
		(23,669)	(33,777)
Lebihan di pindahkan daripada akaun hasil insurans am		15,468,315	25,309,294
<b>Keuntungan sebelum cukai</b>		15,444,646	25,275,517
Perbelanjaan Cukai	21	(4,697,123)	(7,854,068)
<b>Keuntungan bersih untuk tahun kewangan</b>		10,747,523	17,421,449
Perolehan sesaham (sen)	17	4.98	8.07
Dividen kasar sesaham (sen)	18	11.80	2.59

*Nota-nota yang mengiringi adalah sebahagian integral daripada penyata kewangan ini.*

# Akaun Hasil Insurans Am

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2008

	Nota	Kebakaran RM	Kenderaan RM	Perkapalan Penerbangan & Transit RM	Pelbagai RM	Jumlah RM
Premium kasar		28,625,132	14,977,979	16,699,174	34,932,770	95,235,055
Insurans semula		(8,065,563)	(981,138)	(3,227,745)	(1,709,935)	(13,984,381)
Premium bersih		20,559,569	13,996,841	13,471,429	33,222,835	81,250,674
Pertambahan dalam rizab premium tidak terperoleh	14	(1,085,800)	(1,010,349)	(1,856,604)	(1,107,388)	(5,060,141)
Premium diperolehi		19,473,769	12,986,492	11,614,825	32,115,447	76,190,533
Tuntutan bersih tertanggung	11	(8,811,367)	(3,332,292)	(9,363,480)	(10,014,227)	(31,521,366)
Komisen bersih		(4,118,381)	(1,578,067)	(2,018,817)	(6,362,918)	(14,078,183)
		(12,929,748)	(4,910,359)	(11,382,297)	(16,377,145)	(45,599,549)
Lebihan penanggungan sebelum perbelanjaan pengurusan		6,544,021	8,076,133	232,528	15,738,302	30,590,984
Perbelanjaan pengurusan	20					(19,584,873)
Lebihan penanggungan						11,006,111
Pendapatan pelaburan	22					9,448,946
Pendapatan operasi lain - bersih	23					(4,986,742)
Keuntungan dari operasi						15,468,315
Lebihan di pindah ke penyata pendapatan						15,468,315

Nota-nota yang mengiringi adalah sebahagian integral daripada penyata kewangan ini.

## Akaun Hasil Insurans Am (sambung)

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2007

	Nota	Kebakaran RM	Kenderaan RM	Perkapalan Penerbangan & Transit RM	Pelbagai RM	Jumlah RM
Premium kasar		25,927,495	12,737,925	12,428,395	86,552,128	137,645,943
Insurans semula		(6,480,769)	(828,516)	(2,329,780)	(56,680,015)	(66,319,080)
Premium bersih		19,446,726	11,909,409	10,098,615	29,872,113	71,326,863
Pengurangan/(pertambahan) dalam rizab premium tidak terperoleh	14	833,748	(156,195)	(1,303,606)	502,278	(123,775)
Premium diperolehi		20,280,474	11,753,214	8,795,009	30,374,391	71,203,088
Tuntutan bersih tertanggung	11	(11,038,640)	(2,050,383)	(5,086,611)	(11,905,700)	(30,081,334)
Komisen bersih		(3,676,672)	(1,237,448)	(1,541,816)	(4,685,772)	(11,141,708)
		(14,715,312)	(3,287,831)	(6,628,427)	(16,591,472)	(41,223,042)
Lebih penanggungan sebelum perbelanjaan pengurusan		5,565,162	8,465,383	2,166,582	13,782,919	29,980,046
Perbelanjaan pengurusan	20					(21,459,463)
Pertambahan penanggungan						8,520,583
Pendapatan pelaburan	22					9,499,495
Pendapatan operasi lain - bersih	23					7,289,216
Keuntungan dari operasi						25,309,294
Lebih di pindah ke penyata pendapatan						25,309,294

Nota-nota yang mengiringi adalah sebahagian integral daripada penyata kewangan ini.

# Penyata Perubahan Dalam Ekuiti

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2008

	Nota	Modal Saham RM	Perolehan Tertahan Boleh Diagih RM	Jumlah RM
Pada 1 Januari 2007		108,000,000	11,645,974	119,645,974
Dividen dibayar	18	-	(4,083,912)	(4,083,912)
Pendapatan bagi tahun kewangan		-	17,421,449	17,421,449
Pada 31 Disember 2007		108,000,000	24,983,511	132,983,511
Dividen dibayar	18	-	(18,861,120)	(18,861,120)
Pendapatan bagi tahun kewangan		-	10,747,523	10,747,523
Pada 31 Disember 2008	19	108,000,000	16,869,914	124,869,914

*Nota-nota yang mengiringi adalah sebahagian integral daripada penyata kewangan ini.*

## Penyata Aliran Tunai

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2008

	Nota	2008 RM	2007 RM
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI-AKTIVITI OPERASI</b>			
Keuntungan bersih bagi tahun kewangan		10,747,523	17,421,449
Pelarasan untuk:-			
Susutnilai daripada hartanah dan peralatan		569,988	640,225
Kerugian penjejasan nilai ke atas pelaburan hartanah		278,891	-
Keuntungan daripada perlupusan hartanah dan peralatan		(28,161)	(70,878)
Kerugian/(keuntungan) daripada perlupusan pelaburan		366,371	(7,479,057)
Pelunasan premium bersih dari pertambahan diskaun		(399,738)	2,777,635
Penjejasan nilai ke atas pelaburan		4,034,646	-
Masuk kira semula hutang ragu		(1,563,929)	(1,076,282)
Pendapatan faedah		(8,213,501)	(11,128,083)
Pendapatan dividen		(829,226)	(1,142,567)
Pertambahan/(pengurangan) dalam rizab premium tidak terperoleh		5,060,141	123,775
Cukai		4,697,123	7,854,068
<b>Keuntungan dari operasi sebelum perubahan dalam aset dan liabiliti operasi</b>		<b>14,720,128</b>	<b>7,920,285</b>
Perolehan dari perlupusan pelaburan		285,756,013	108,550,271
Pembelian pelaburan		(325,712,858)	(91,238,311)
Pengurangan/(pertambahan) dalam deposit tetap dan panggilan		41,081,336	(27,037,469)
Pertambahan/(pengurangan) peruntukan tuntutan tertunggak		19,072	(3,329,370)
(Pertambahan)/pengurangan dalam jumlah terhutang dari agen, broker, penginsurans bersama, insurans semula dan penyerah		(983,460)	1,690,511
(Pertambahan)/pengurangan dalam penerimaan lain		(448,165)	277,180
Pertambahan/(pengurangan) dalam jumlah terhutang kepada agen, broker, penginsurans bersama, yang diinsurans, insurans semula dan penyerah		734,059	(675,762)
(Pengurangan)/pertambahan dalam pembayaran lain		(688,487)	364,833
Pengurangan hutang kepada syarikat induk		(22,703)	(29,387)
Cukai pendapatan dibayar		(6,791,648)	(5,884,715)
Pendapatan faedah diterima		9,129,227	10,398,772
Pendapatan dividen diterima		806,388	1,261,252
<b>Wang tunai bersih daripada aktiviti-aktiviti operasi</b>	26	<b>17,598,902</b>	<b>2,268,090</b>
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI-AKTIVITI PELABURAN</b>			
Perolehan dari perlupusan hartanah dan peralatan		125,889	88,519
Pembelian hartanah dan peralatan		(478,478)	(88,886)
<b>Wang tunai bersih digunakan dalam aktiviti-aktiviti pelaburan</b>	26	<b>(352,589)</b>	<b>(367)</b>
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI-AKTIVITI KEWANGAN</b>			
Dividen dibayar		(18,861,120)	(4,083,912)
<b>Wang tunai bersih digunakan dalam aktiviti-aktiviti kewangan</b>		<b>(18,861,120)</b>	<b>(4,083,912)</b>
Pengurangan bersih dalam wang tunai dan setaraan tunai	26	(1,614,807)	(1,816,189)
Wang tunai dan setaraan tunai pada 1 Januari		13,813,215	15,629,404
Wang tunai dan setaraan tunai pada 31 Disember		12,198,408	13,813,215
<b>Wang tunai dan setaraan tunai mengandungi:</b>			
Tunai dan baki di bank		12,198,408	13,813,215

Nota-nota yang mengiringi adalah sebahagian integral daripada penyata kewangan ini.

# Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

## 1. KEGIATAN UTAMA

Syarikat, iaitu sebuah syarikat berhad awam yang diperbadankan dan dengan penempatan di Malaysia, terlibat terutamanya dalam penajajaminan semua kelas perniagaan insurans am. Sepanjang tahun kewangan, tiada berlaku sebarang perubahan besar dalam jenis kegiatan ini.

## 2. DASAR-DASAR PENTING PERAKAUNAN

Kecuali dinyatakan selainnya, dasar-dasar perakaunan yang disenaraikan di bawah adalah selaras dalam menangani butir-butir yang dianggap penting dari segi penyata kewangan.

### a) Asas penyediaan penyata kewangan

Penyata kewangan Syarikat disediakan mengikut kelaziman kos bersejarah melainkan dinyatakan dalam dasar-dasar perakaunan penting ini. Penyata kewangan ini mematuhi Piawaian Pelaporan Kewangan, Piawaian Perakaunan yang Diluluskan oleh MASB di Malaysia bagi Entiti selain Entiti Persendirian dan peruntukan Akta Syarikat, 1965 dalam semua perkara penting.

Penyediaan penyata kewangan menurut piawaian perakaunan MASB yang diluluskan di Malaysia untuk Entiti selain daripada Entiti Persendirian memerlukan penggunaan anggaran dan andaian yang mempengaruhi amaun aset dan liabiliti yang dilaporkan serta pendedahan aset dan liabiliti luarjangka pada tarikh penyata kewangan tersebut, dan amaun hasil pendapatan dan perbelanjaan yang dilaporkan sepanjang tahun kewangan. Para Pengarah juga diperlukan melaksana pertimbangan masing-masing dalam proses menerimapakai dasar-dasar perakaunan Syarikat. Sungguhpun anggaran ini adalah berdasarkan pengetahuan terbaik para pengarah berhubung peristiwa dan tindakan semasa, keputusan sebenar mungkin berbeza daripada nilai-nilai anggaran.

Bidang yang melibatkan darjah pertimbangan atau kompleksiti yang lebih tinggi di mana andaian dan anggaran yang dibuat itu adalah penting kepada penyata-penyata kewangan adalah dibentangkan di nota 3.

### (i) Piawaian, pindaan kepada piawaian tersiar dan penafsiran yang berkuatkuasa

Piawaian perakaunan baru, pindaan kepada piawaian tersiar dan penafsiran IC berhubung piawaian semasa yang berkuatkuasa bagi tempoh kewangan Syarikat bermula pada atau selepas 1 Januari 2008 ialah seperti berikut:

- Pindaan kepada FRS 121 Kesan-kesan Perubahan dalam Kadar Pertukaran Matawang Asing – Pelaburan Bersih dalam Operasi Asing
- FRS 112 Cukai Pendapatan
- FRS 120 Perakaunan bagi Geran Kerajaan dan Pendedahan Bantuan Kerajaan
- Lain-lain piawaian yang disemak semula yang tidak memberi perubahan besar berbanding piawaian asal:
  - FRS 107 Penyata Aliran Wang Tunai
  - FRS 111 Kontrak Pembinaan
  - FRS 118 Hasil
  - FRS 137 Peruntukan, Liabiliti Luar Jangka dan Aset Luar Jangka
- IC Interpretasi 1 Perubahan dalam Nyahtauliah Semasa, Pembaikan Semula dan Liabiliti Serupa
- IC Interpretasi 2 Bahagian Ahli dalam Entiti Koperasi dan Instrumen Serupa
- IC Interpretasi 5 Hak kepada Kepentingan yang timbul dari Nyahtauliah, Pembaikan Semula dan Dana Pemulihan Alam Sekitar
- IC Interpretasi 6 Liabiliti yang timbul dari Penyertaan Dalam Pasaran Spesifik – Kelengkapan Elektrik dan Elektronik Sisa
- IC Interpretasi 7 Gunapakai Pendekatan Penyataan Semula di bawah FRS 129 Pelaburan Kewangan dalam Ekonomi Hiperinflasi
- IC Interpretasi 8 Skop FRS 2

Semua perubahan dalam dasar-dasar perakaunan telah dibuat berdasarkan peruntukan peralihan masing-masingnya dalam piawaian, pindaan kepada piawaian tersiar dan pentafsiran. Segala piawaian, pindaan dan pentafsiran yang diamalkan oleh Syarikat memerlukan aplikasi retrospektif kecuali bagi IC Interpretasi 8 yang memerlukan aplikasi retrospektif tertakluk kepada peruntukan peralihan FRS 2. FRS 2 memerlukan aplikasi retrospektif bagi semua suratcara ekuiti yang diberi selepas 31 Disember 2004 dan tidak dikuatkuasakan pada tarikh tempoh permulaan kewangan tahunan pertama bermula pada atau selepas 1 Januari 2006.

Secara ringkasnya:

- FRS 120, Pindaan kepada FRS 121, IC Interpretasi 1, 2, 5, 6, 7 dan 8 adalah tidak relevan kepada Syarikat
- FRS 112, 107, 111, 118 dan 137 tidak memberi kesan besar kepada dasar-dasar perakaunan Syarikat

## Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan (sambung)

### 2. DASAR-DASAR PENTING PERAKAUNAN (sambung)

#### (ii) Piawaian dan pindaan kepada piawaian tersiar dan penafsiran piawaian sedia ada yang berhubungkait dengan Syarikat tetapi belum berkuatkuasa

Piawaian baru dan yang disemak semula serta pindaan kepada piawaian tersiar yang berhubungkait dengan Syarikat, yang belum diterap oleh Syarikat, adalah seperti berikut:

- FRS 8 Segmen Operasi (berkuatkuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Julai 2009). FRS 8 menggantikan FRS 114<sup>2004</sup> Pelaporan Segmen. Piawaian baru tersebut memerlukan 'pendekatan pengurusan', dalam mana maklumat segmen dibentangkan atas dasar yang sama seperti yang digunakan untuk tujuan pelaporan dalaman. Syarikat akan menggunakan piawaian ini mulai tempoh kewangan yang bermula pada 1 Januari 2010. FRS ini tidak digunakan oleh Syarikat.
- IC Interpretasi 9 Penaksiran Semula Derivatif Tersirat (berkuatkuasa tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2010). IC Interpretasi 9 memerlukan suatu entiti untuk mengakses sama ada satu derivatif tersirat perlu diasingkan dari kontrak hos dan diambilkira sebagai derivatif apabila entiti tersebut mula-mula menjadi satu pihak kepada kontrak. Penaksiran semula berikutnya adalah dilarang melainkan terdapat perubahan dalam terma-terma kontrak yang secara besar-besaran mengubahsuai aliran wang tunai yang jika tidak, akan diperlukan di bawah kontrak, yang dalam kes sedemikian, adalah perlu. Syarikat akan menggunakan piawaian ini dari tempoh kewangan bermula pada 1 Januari 2010.
- IC Interpretasi 10 Pelaporan Kewangan Interim dan Penjejasan nilai (berkuatkuasa tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2010). IC Interpretasi 10 melarang kerugian penjejasan nilai diiktiraf dalam satu tempoh interim atas muhibah dan pelaburan dalam instrumen ekuiti dan dalam aset kewangan yang dibawa pada kos diterbalikkan pada tarikh lembaranimbangan berikutnya. Syarikat akan menggunakan piawaian ini dari tempoh kewangan bermula 1 Januari 2010. Pentafsiran ini tidak dijangka memberi kesan besar kepada dasar-dasar perakaunan Syarikat.
- Piawaian-piawaian berikut akan berkuatkuasa pada tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2010. Syarikat akan menggunakan piawaian ini dari tempoh-tempoh kewangan bermula pada 1 Januari 2010. Syarikat telah mengamalkan peralihan dalam piawaian masing-masing yang mengecualikan entiti-entiti dari mendedahkan kemungkinan kesan yang timbul dari penggunaan awal piawaian berkenaan kepada penyata-penyata kewangan Syarikat.
  - FRS 139 Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran
  - FRS 4 Kontrak Insurans
  - FRS 7 Instrumen Kewangan: Pendedahan

#### b) Hartanah dan peralatan

Hartanah dan peralatan adalah dinyatakan pada kos tolak susutnilai terkumpul dan sebarang kerugian penjejasan nilai terkumpul.

Kos susulan adalah terangkum dalam amaun tinggal bagi aset atau diiktiraf sebagai aset berasingan, mengikut mana yang berkaitan, hanya apabila terdapat kemungkinan bahawa faedah ekonomi yang berhubungkait dengan sesuatu perkara itu akan tersalur kepada Syarikat dan kos perkara berkenaan boleh disukat secara memadai. Amaun tinggal bagi bahagian gantian adalah dinyahiktiraf. Segala kos pembaikan dan penyenggaraan lain adalah dicaj kepada penyata pendapatan pada tempoh kewangan dalam mana ianya terlibat.

Bangunan pajakan adalah dilunaskan dalam bayaran ansuran sama-besar meliputi tempoh pajakan 82.76 tahun. Susutnilai lain-lain hartanah dan peralatan adalah dikira menggunakan asas garis lurus untuk memperuntuk kos atau amaun penilaian semula masing-masing kepada nilai sisa meliputi tempoh hayat berguna terjangka aset-aset berkenaan. Tempoh hayat berguna terjangka aset-aset tersebut ialah seperti berikut:

Kenderaan Bermotor	5 tahun
Kelengkapan EDP	4 - 6 tahun
Kelengkapan Pejabat	4 - 10 tahun
Perabot & Kelengkapan	2 - 10 tahun
Pengubahsuaian	2 - 5 tahun
Bangunan Pegangan Bebas	50 tahun

Nilai sisa dan hayat berguna aset adalah disemak semula, dan dilaraskan jika berkenaan, pada setiap tarikh lembaranimbangan.

Pada setiap tarikh lembaranimbangan, Syarikat menaksir sama ada terdapat sebarang petanda penjejasan nilai. Sekiranya terdapat petanda sedemikian, suatu analisis dijalankan untuk menentukan sama ada amaun bawaan aset berkenaan boleh-dipulih sepenuhnya. Suatu nilai tinggal dibuat jika nilai bawaan melebihi amaun boleh-pulih. Sila lihat nota 2 (e) tentang penjejasan nilai aset.

Keuntungan dan kerugian akibat pelupusan adalah ditentukan dengan membandingkan hasil perolehan dengan nilai bawaan dan dirangkumkan dalam penyata pendapatan dan/atau akaun hasil.

**c) Hartanah Pelaburan**

Hartanah Pelaburan dipegang untuk tujuan hasil sewaan jangka panjang atau untuk kenailan nilai pelaburan atau kedua-duanya sekali, dan tidak diduduki oleh Syarikat.

Pelaburan harta benda dinyatakan pada nilai saksama masing-masing, mewakili nilai pasaran terbuka yang ditentukan oleh satu pihak jurunilai luaran. Nilai saksama adalah berdasarkan harga pasaran aktif, dilaraskan jika perlu, bagi sebarang perbezaan dalam jenis, lokasi atau keadaan aset spesifik berkenaan. Jika maklumat ini tidak dapat diperolehi, Syarikat menggunakan kaedah penilaian alternatif seperti harga terkini ke atas pasaran yang kurang cergas atau unjuran aliran tunai berdiskaun. Nilai saksama disemak semula setiap tahun oleh jurunilai luaran dan sebarang perubahan dalam nilai saksama adalah dicatat dalam akaun hasil pendapatan.

**d) Pelaburan**

Sekuriti Kerajaan Malaysia, Bil Perbendaharaan dan lain-lain sekuriti hutang tidak tersebutharga yang diluluskan seperti yang ditentukan oleh BNM adalah dinyatakan pada kos dilaraskan bagi pelunasan premium atau pengumpulan diskaun, dikira atas dasar garis lurus dari tarikh pembelian hingga tarikh matang. Pelunasan premium dan pengumpulan diskaun adalah diiktiraf dalam penyata pendapatan dan/atau akaun hasil pendapatan.

Pelaburan tersebutharga adalah dinyatakan pada kos lebih rendah atau nilai pasaran yang ditentukan atas dasar portfolio purata mengikut kategori pelaburan, melainkan bahawa jika penghausan nilai pelaburan tertentu tidak disifatkan sebagai sementara, maka elaun spesifik dibuat terhadap nilai pelaburan berkenaan. Nilai pasaran ditentukan dengan rujukan kepada harga penutup bursa saham pada tarikh lembaranimbangan.

**e) Penjejasan Nilai Ke Atas Aset Bukan-Kewangan**

Nilai tinggal bagi aset bukan-kewangan yang tertakluk kepada pelunasan adalah ditinjau semula untuk menentukan kerugian penjejasan nilai apabila peristiwa atau perubahan dalam keadaan menunjukkan bahawa nilai tinggal berkenaan mungkin mengalami penjejasan nilai. Penjejasan nilai disukat dengan membandingkan nilai tinggal bagi aset dengan amaun boleh-pulih masing-masing. Amaun boleh-pulih tersebut adalah amaun lebih tinggi bagi nilai saksama ditolak kos untuk menjual dan nilai dalam gunaan. Amaun boleh-pulih dianggarkan untuk aset-aset individu, atau, jika tidak, untuk unit penjana-tunai. Aset yang mengalami penjejasan nilai ditinjau semula untuk kemungkinan penyongsangan penjejasan nilai tersebut pada setiap tarikh melapor.

Kerugian penjejasan nilai dicaj kepada penyata pendapatan dan/atau akaun pendapatan dengan serta-merta.

Peningkatan seterusnya dalam amaun boleh-pulih sesuatu aset adalah diurus sebagai songsangan kerugian penjejasan nilai sebelumnya dan diiktiraf ke tahap amaun bawaan aset tersebut yang sepatutnya ditentukan (ditolak pelunasan dan susutnilai) sekiranya tiada kerugian penjejasan nilai diiktiraf. Songsangan tersebut diiktiraf dalam penyata pendapatan dan/atau akaun hasil pendapatan dengan serta-merta.

**f) Manfaat Pekerja**

**(i) Manfaat Pekerja Jangka Pendek**

Upah, gaji, cuti sakit tahunan, bonus dan manfaat bukan wang adalah terakru dalam tempoh perkhidmatan berkaitan diberi oleh pekerja Syarikat.

**(ii) Manfaat Selepas Tamat Pekerjaan**

Sumbangan Syarikat kepada pelan caruman yang tertakrif adalah dicaj kepada penyata pendapatan/akaun hasil pendapatan dalam tempoh yang berkaitan. Setelah caruman itu dibayar, Syarikat tidak lagi mempunyai obligasi pembayaran selanjutnya.

## Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan (sambung)

### 2. DASAR-DASAR PENTING PERAKAUNAN (sambung)

#### f) Manfaat Pekerja (sambung)

##### (iii) Manfaat Penamatan Perjawatan

Manfaat penamatan perjawatan perlu dibayar apabila perjawatan seseorang kakitangan ditamatkan sebelum tarikh persaraan biasa atau apabila kakitangan berkenaan menerima secara sukarela redundansi sebagai pertukaran dengan manfaat ini. Syarikat mengiktiraf manfaat penamatan perjawatan apabila ia benar-benar komited untuk sama ada menamatkan perjawatan kakitangan semasa menurut pelan formal yang terperinci tanpa kemungkinan pengeluaran atau untuk menyediakan manfaat penamatan perjawatan hasil daripada tawaran yang dibuat untuk menggalak redundansi sukarela.

##### (iv) Pelan Berasas-Saham Terjelas-Tunai

Syarikat menyertai suatu pelan berasas-saham terjelas-tunai bagi kakitangan Syarikat. Nilai saksama bagi perkhidmatan kakitangan yang diterima sebagai pertukaran dengan pemberian hak kenaikan nilai saham adalah diiktiraf dalam akaun hasil pendapatan meliputi tempoh pemberian dengan peningkatan yang bersekeanaan dalam liabiliti.

Jumlah amaun yang dibelanjakan dalam tempoh berkenaan adalah ditentukan dengan merujuk kepada nilai saksama hak kenaikan nilai saham. Pada setiap tarikh lembaran imbangan. Syarikat menyemak semula anggarannya tentang bilangan kakitangan yang dijangka memenuhi syarat-syarat vestasi perkhidmatan dan nilai saksama bagi liabiliti yang berkaitan. Kesan semakan semula bagi anggaran asal, jika ada, adalah diiktiraf dalam penyata pendapatan dan/atau akaun hasil pendapatan.

Liabiliti kumulatif yang terlibat akan disongsangkan sebagai tunai dibayar, selepas ditolak sebarang kos urusniaga yang terlibat secara langsung, pada hujung tempoh vestasi.

#### g) Pajakan Operasi

Pajakan aset di mana sebahagian besar risiko dan ganjaran pemilikan adalah ditahan oleh pemberi pajak, adalah diklasifikasi sebagai pajakan operasi. Pembayaran yang dibuat di bawah pajakan operasi (ditolak sebarang insentif yang diterima daripada pemberi pajak) adalah dicaj kepada penyata pendapatan dan/atau akaun hasil pendapatan atas dasar garis lurus meliputi tempoh pajakan.

#### h) Penerimaan

Penerimaan perdagangan dibawa pada amaun diinvois ditolak elaun yang dibuat untuk hutang ragu.

Hutang lapuk yang diketahui adalah dihapuskan dan elaun spesifik dibuat untuk mana-mana premium termasuk baki agen dan baki insurans semula yang terus berkedudukan belum terjelas selama enam bulan dari tarikh sampai tempoh kecuali premium kenderaan bermotor yang untuknya elaun dibuat untuk amaun yang tidak terjelas selama lebih daripada 30 hari dan bagi semua hutang yang disifatkan sebagai ragu.

#### i) Keputusan Penajajaminan Insurans Am

Keputusan penajajaminan insurans am adalah ditentukan bagi setiap kelas perniagaan selepas mengambilkira insurans semula, komisyen, premium tidak terperoleh dan tuntutan yang diterima.

##### (i) Pendapatan Premium

Pendapatan premium diiktiraf dalam sesuatu tahun kewangan berhubung risiko yang ditanggung pada sesuatu tahun kewangan itu. Premium dari perniagaan langsung adalah ditakrif pada tahun kewangan berkenaan berikutan keluaran nota-nota debit. Premium berhubung risiko yang untuknya nota debit telah tidak dikeluarkan pada tarikh lembaran imbangan adalah terakru pada tarikh tersebut dan diiktiraf dalam akaun hasil pendapatan pada tahun tersebut.

##### (ii) Insurans Semula Masukan

Premium, tuntutan dan lain-lain urusniaga perniagaan insurans semula masukan adalah diambilkira berikutan pemberitahuan oleh syarikat-syarikat berkenaan atau berikutan penerimaan penyata akaun.

**(iii) Insurans Semula Keluaran**

Pemium insurans semula keluaran adalah diiktiraf dalam tempoh perakaunan yang sama seperti polisi asal yang berhubungkait dengan insurans semula berkenaan.

**(iv) Rizab Premium Tidak Terperoleh**

Rizab Premium Tidak Terperoleh ("UPR") mewakili bahagian premium bersih polisi-polisi insurans yang ditajajamin dan yang berhubungkait dengan tempoh-tempoh belum luput polisi-polisi berkenaan di hujung tahun kewangan.

Dalam usaha menentukan UPR pada tarikh lembaran imbangan, kaedah yang digunakan ialah yang paling tepat memaparkan premium tidak terperoleh. UPR dikira merujuk kepada bulan perakaunan bagi premium berdasarkan yang berikut:

- i. Kaedah 25% bagi kargo laut dan udara, dan perniagaan transit;
- ii. Kaedah ke-1/24 bagi semua kelas lain perniagaan insurans am berhubung polisi-polisi am Malaysia, dikurangkan sebanyak peratusan komisen perniagaan langsung kasar yang diambilkira selaras dengan premium, tidak melebihi had-had yang ditetapkan oleh BNM.

**(v) Kos Perolehan**

Kos perolehan dan pembaharuan polisi insurans setelah ditolak pendapatan yang diterbitkan dari premium insurans semula adalah diiktiraf sebagai ditanggung dan diperuntukkan secara wajar mengikut tempoh-tempoh dalam mana ianya berkemungkinan menghasilkan pendapatan.

**(vi) Peruntukan tuntutan**

Peruntukan telah dibuat mengikut kaedah tanggungan, untuk cukai tertunda yang berkaitan ditolak pulangan insurans semula untuk kesemua tuntutan yang dilaporkan tetapi belum dibayar pada tarikh lembaran imbangan. Peruntukan juga telah dibuat untuk kos tuntutan bersama dengan perbelanjaan yang berkaitan untuk semua tuntutan yang tidak dilaporkan pada tarikh lembaran imbangan, menggunakan penaksiran sesungguhnya.

Sepanjang tahun kewangan, pihak pengurusan menjalankan penaksiran semula tuntutan dan peruntukan dari masa ke semasa, baik atas dasar individu dan kelas, berdasarkan nasihat dan laporan professional bebas, lain-lain maklumat yang ada dan penaksiran tuntutan dan peruntukan.

**j) Lain-lain Pengiktirafan Pendapatan**

Pendapatan faedah diiktiraf atas dasar perkadaran masa yang mengambilkira kadar hasil berkesan aset berkenaan.

Pendapatan dividen diiktiraf setelah hak untuk menerima pembayaran diasaskan.

Keuntungan dan kerugian akibat pelupusan pelaburan adalah dikreditkan atau dicaj kepada akaun hasil dan/atau penyata pendapatan.

**k) Matawang Asing**

Penyata kewangan dibentangkan dalam Ringgit Malaysia, yang merupakan matawang fungsi dan pembentangan Syarikat.

Urusniaga matawang asing dalam Syarikat adalah diambilkira pada kadar pertukaran yang berkuatkuasa pada tarikh urusniaga. Aset dan liabiliti monetari dalam matawang asing pada tarikh lembaran imbangan adalah diterjemah kepada Ringgit Malaysia pada kadar pertukaran yang berkuatkuasa pada tarikh lembaran imbangan. Perbezaan pertukaran dari penyelesaian urusniaga matawang asing dan dari terjemahan aset dan liabiliti monetari dalam matawang asing adalah dirangkumkan dalam penyata pendapatan dan/atau akaun hasil pendapatan.

## Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan (sambung)

### 2. DASAR-DASAR PENTING PERAKAUNAN (sambung)

#### l) Cukai Pendapatan

Perbelanjaan cukai semasa adalah ditentukan menurut undang-undang cukai negara dan merangkumi segala cukai berdasarkan keuntungan bercukai.

Cukai tertunda diiktiraf sepenuhnya, menggunakan kaedah liabiliti, atas perbezaan sementara yang timbul antara amaun teragih kepada aset dan liabiliti untuk tujuan cukai dan amaun bawaan masing-masing dalam penyata kewangan.

Aset cukai tertunda adalah diiktiraf hingga setakat bahawa terdapat kemungkinan bahawa terdapatnya keuntungan bercukai di mana perbezaan sementara boleh-tolak atau kerugian cukai tidak berguna boleh dipakai.

Cukai tertunda adalah ditentukan menggunakan kadar cukai (dan undang-undang percukaian) yang telah dienakmen atau seterusnya dienakmen menjelang tarikh lembaran imbangan dan dijangka diterimapakai apabila aset cukai tertunda berkenaan direalis atau liabiliti cukai tertunda dijelaskan.

#### m) Liabiliti Luar Jangka dan Aset Luar Jangka

Syarikat tidak mengiktiraf liabiliti luar jangka tetapi mendedahkan kewujudannya dalam penyata kewangan. Liabiliti luar jangka merupakan obligasi berkemungkinan yang timbul dari peristiwa masa lalu yang kewujudannya disahkan dengan peristiwa masa depan yang berada di luar kawalan Syarikat atau obligasi semasa tidak diiktiraf disebabkan ianya tidak dianggap wajar bahawa aliran keluar sumber akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi tersebut. Liabiliti luar jangka juga timbul dalam kes yang amat jarang di mana terdapat liabiliti yang tidak boleh diiktiraf disebabkan ianya tidak dapat disukat dengan baik.

Aset luar jangka ialah aset yang wujud dari peristiwa lepas yang akan disahkan oleh peristiwa masa depan yang tidak diketahui dan yang berada di luar kawalan Syarikat. Syarikat tidak mengiktiraf aset luar jangka tetapi menyatakan kewujudannya di mana aliran masuk faedah ekonominya berkemungkinannya wujud tetapi tidak semestinya sesuatu yang pasti dicapai.

#### n) Dividen

Dividend ke atas saham-saham biasa adalah diiktiraf sebagai liabiliti apabila obligasi pembayaran diasaskan. Tiada peruntukan dibuat bagi mana-mana cadangan dividen.

#### o) Peruntukan

Peruntukan diiktiraf apabila Syarikat mempunyai obligasi guaman atau konstruktif yang sedia wujud akibat peristiwa masa lalu, apabila terdapat kemungkinan bahawa suatu aliran keluar sumber akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi berkenaan dan apabila terdapat anggaran yang boleh dipercayai bahawa anggaran amaun berkenaan boleh dibuat.

#### p) Tunai dan Setaraan Tunai

Tunai dan setaraan tunai merangkumi tunai dan baki di bank dan tidak termasuk deposit tetap dan panggilan.

#### q) Instrumen Kewangan

##### Keterangan

Instrumen kewangan ialah sebarang kontrak yang menghasilkan aset kewangan di sesuatu usahaniaga dan suatu liabiliti kewangan atau instrumen ekuiti di usahaniaga yang lain.

Aset kewangan ialah mana-mana aset yang berupa tunai, hak kontraktual untuk menerima tunai atau lain-lain aset kewangan dari usahaniaga yang lain, hak kontraktual untuk menukar instrumen kewangan dengan usahaniaga yang lain di bawah syarat-syarat yang berkemungkinannya sesuai, atau instrumen ekuiti bagi usahaniaga yang lain.

Liabiliti kewangan ialah sebarang liabiliti yang merupakan suatu obligasi kontrak untuk menyerah tunai atau lain-lain aset kewangan bagi usahaniaga yang lain, atau menukar instrumen kewangan dengan usahaniaga yang lain di bawah syarat-syarat yang berkemungkinannya tidak sesuai.

### **Kaedah Pengiktirafan**

Kaedah pengiktirafan tertentu yang digunakan untuk lembaran imbalan adalah dinyatakan di dalam nota dasar perakaunan individu yang berkaitan dengan setiap perkara.

### **Nilai Saksama**

Amaun bawaan bagi aset dan liabiliti bagi syarikat pada tarikh lembaran imbalan adalah diandaikan sebagai penghampiran bagi nilai saksama masing-masing, kecuali pelaburan dalam Sekuriti Kerajaan Malaysia, Bil Perbendaharaan, sekuriti hutang persendirian dan sekuriti ekuiti tersebut seperti yang dinyatakan dalam nota 7 kepada penyata kewangan.

Asas anggaran Syarikat bagi nilai saksama dalam penyata kewangan adalah seperti berikut:

- (i) Sekuriti niagaan adalah berdasarkan harga pasaran tersebut.
- (ii) Sekuriti Kerajaan Malaysia adalah berdasarkan harga indikatif seperti yang disediakan oleh Bank Negara Malaysia.
- (iii) Nilai muka aset kewangan dan liabiliti kewangan dengan tempoh kematangan yang kurang dari satu tahun adalah diandaikan sebagai nilai penghampiran dengan anggaran nilai saksama masing-masing.

## **3. ANGGARAN DAN PERTIMBANGAN PERAKAUNAN KRITIKAL**

Anggaran dan pertimbangan adalah dinilai secara berterusan oleh para pengarah dan adalah berdasarkan pengalaman bersejarah dan lain-lain faktor, termasuk peristiwa masa depan yang dipercayai wujud dalam keadaan berkenaan.

### **a) Anggaran dan Andaian Perakaunan Kritikal**

Syarikat menyediakan anggaran dan andaian berhubung masa depan. Anggaran perakaunan yang terhasil, akan mengikut takrifannya, jarang menyamai keputusan sebenar. Anggaran dan andaian yang mempunyai risiko besar menyebabkan pelarasan material dibuat kepada amaun tinggal aset dan liabiliti dalam lingkungan tahun kewangan adalah dinyatakan seperti berikut.

#### **• Tuntutan Tertanggung Tetapi Tidak Dilaporkan**

Tuntutan Tertanggung Tetapi Tidak Dilaporkan ("IBNR") bagi setiap kelas perniagaan adalah dianggarkan dengan merujuk kepada pelbagai teknik penganggaran, yang umumnya berdasarkan kepada analisis statistik bagi pengalaman bersejarah yang mengandaikan suatu pola pembentukan dan pembayaran tuntutan yang tersirat. Unjuran adalah dibuat berdasarkan pengalaman bersejarah dan penanda luaran di mana berkaitan.

Disebabkan hakikat bahawa liabiliti tuntutan muktamad adalah bergantung kepada hasil dari peristiwa-peristiwa masa depan seperti saiz award mahkamah, sikap pihak petuntut terhadap penyelesaian tuntutan mereka, dan inflasi sosial dan ekonomi, terdapat suatu ketidakpastian inheren dalam mana-mana anggaran liabiliti tuntutan muktamad. Justeru itu, wujud had kepada tahap kejituan anggaran tersebut. Malahan, adalah suatu kepastian bahawa kerugian masa depan sebenar dan perbelanjaan pelarasan tidak akan muncul betul-betul seperti yang diunjurkan dan mungkin berubah secara besar-besaran berbanding unjuran tersebut.

### **b) Pertimbangan Kritikal Penerimaan Dasar-dasar Perakaunan Entiti**

Dalam usaha menentukan dan menerimapakai dasar-dasar perakaunan, pertimbangan sering diperlukan berhubung perkara di mana pilihan sesuatu dasar spesifik boleh menjejaskan secara material, keputusan dan kedudukan kewangan Syarikat yang dilaporkan. Walau bagaimanapun, para pengarah berpendapat bahawa kini tiada terdapat dasar-dasar perakaunan yang memerlukan pertimbangan besar diberi dalam penggunaannya.

## Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan (sambung)

### 4. INSTRUMEN KEWANGAN

#### a) Risiko Kadar Faedah

Pendedahan Syarikat kepada risiko kadar faedah adalah diurus khususnya melalui pelarasan yang bersesuaian pada portfolio pelaburan yang tersedia ada.

Pendedahan Syarikat kepada risiko kadar faedah dan kadar faedah purata wajaran berkesan bagi setiap kelas penting aset dan liabiliti kewangan yang dikenakan faedah adalah dibentangkan seperti berikut:

2008	Kadar Faedah Tetap Matang Dalam				Jumlah Amaun Bawaan RM	Purata Wajaran Kadar Faedah Berkesan
	Tiada Tempoh Matang Dinyatakan dan Tanpa Dikenakan Faedah RM	1 Tahun Atau Kurang RM	1 hingga 2 Tahun RM	2 hingga 3 Tahun RM		
<b>Aset Kewangan:</b>						
Pelaburan						
- Sekuriti Kerajaan Malaysia	-	79,422,737	54,171,868	25,147,676	158,742,281	3.69%
- Bil Perbendaharaan	-	4,969,869	-	-	4,969,869	3.38%
- Deposit tetap dan panggilan	-	54,044,354	-	-	54,044,354	3.10%
- Ekuiti sekuriti syarikat induk	-	17,260,284	-	-	17,260,284	
Lain-lain penerimaan	4,235,918	-	-	-	4,235,918	
Tunai dan baki di bank	-	12,198,408	-	-	12,198,408	3.06%
	4,235,918	167,895,652	54,171,868	25,147,676	251,451,114	
Lain-lain aset kewangan*					15,603,464	
Jumlah aset kewangan					267,054,578	
Lain-lain aset					15,251,651	
<b>Jumlah aset mengikut lembaranimbangan</b>					<b>282,306,229</b>	
<b>Liabiliti kewangan:</b>						
Amaun terhutang kepada						
Syarikat induk	(64,927)	-	-	-	(64,927)	
Lain-lain pembayaran	(10,511,804)	-	-	-	(10,511,804)	
	(10,576,731)	-	-	-	(10,576,731)	
Lain-lain liabiliti kewangan*					(8,157,206)	
Jumlah liabiliti kewangan					(18,733,937)	
Lain-lain liabiliti					(138,702,378)	
<b>Jumlah liabiliti mengikut lembaranimbangan</b>					<b>(157,436,315)</b>	

\* Maklumat pendedahan bagi aset dan liabiliti kewangan yang berhubungkait dengan hak dan obligasi yang timbul di bawah kontrak insurans adalah tidak ditunjukkan disebabkan dikecualikan dari skop Piawaian Pelaporan Kewangan ("Financial Reporting Standard") FRS132 "Instrumen Kewangan: Pendedahan dan Pembentangan".

2007	Tiada Tempoh Matang Dinyatakan dan Tanpa Dikenakan Faedah RM	Kadar Faedah Tetap Matang Dalam			Jumlah Amaun Bawaan RM	Purata Wajaran Kadar Faedah Berkesan
		1 Tahun Atau Kurang RM	1 hingga 2 Tahun RM	2 hingga 3 Tahun RM		
<b>Aset Kewangan:</b>						
Pelaburan						
-	-	55,475,885	30,988,716	20,129,877	106,594,478	5.67%
-	-	38,422,390	-	-	38,422,390	3.40%
-	-	95,125,690	-	-	95,125,690	3.25%
-	-	-	-	-	-	-
Lain-lain penerimaan	5,119,786	-	-	-	5,119,786	-
Tunai dan baki di bank	-	13,813,215	-	-	13,813,215	2.88%
	5,119,786	202,837,180	30,988,716	20,129,877	259,075,559	
Lain-lain aset kewangan*					13,056,075	
Jumlah aset kewangan					272,131,634	
Lain-lain aset					15,633,774	
<b>Jumlah aset mengikut lembaranimbangan</b>					<b>287,765,408</b>	
<b>Liabiliti kewangan:</b>						
Amaun terhutang kepada						
-	(87,630)	-	-	-	(87,630)	
Lain-lain pembayaran	(13,647,955)	-	-	-	(13,647,955)	
	(13,735,585)	-	-	-	(13,735,585)	
Lain-lain liabiliti kewangan*					(7,423,147)	
Jumlah liabiliti kewangan					(21,158,732)	
Lain-lain liabiliti					(133,623,165)	
<b>Jumlah liabiliti mengikut lembaranimbangan</b>					<b>(154,781,897)</b>	

\* Maklumat pendedahan bagi aset dan liabiliti kewangan yang berhubungkait dengan hak dan obligasi yang timbul di bawah kontrak insurans adalah tidak ditunjukkan disebabkan dikecualikan dari skop Piawaian Pelaporan Kewangan ("Financial Reporting Standard") FRS132 "Instrumen Kewangan: Pendedahan dan Pembentangan".

#### b) Risiko Pertukaran Matawang Asing dan Risiko Pasaran

Perniagaan utama Syarikat ialah menyediakan insurans secara kontrak yang mendedahkan Syarikat kepada risiko kerugian yang dikenalpasti dari peristiwa atau keadaan yang berlaku dalam satu tempoh tertentu.

Syarikat mengakujanji urusniaga yang diurus dalam matawang asing dari masa ke semasa dan yang terhasil dan dari kegiatan tersebut, timbul pendedahan dalam matawang asing. Amalan melindungi nilai risiko matawang asing bukanlah menjadi dasar Syarikat.

Syarikat terdedah kepada risiko pasaran berhubung pelaburannya dalam ekuiti dan sekuriti faedah tetap. Amalan melindungi nilai risiko pasaran bukanlah menjadi dasar Syarikat.

Proses pengurusan risiko adalah tertakluk kepada audit dalaman dari masa ke semasa dan penelitan rapi pihak pengurusan kanan, termasuk pelaporan Lembaga Pengarah dan pengurusan yang lain. Segala pelaburan adalah menurut garis panduan pelaburan Syarikat yang diluluskan oleh Lembaga pengarah.

#### c) Risiko Kredit

Dalam perjalanan perniagaan biasa, Syarikat menanggung risiko kredit dari penerimaan perdagangan dan institusi kewangan. Tiada terdapat sebarang penumpuan risiko kredit secara besar-besaran.

Risiko kredit terhadap aset kewangan Syarikat pada umumnya merupakan amaun bawaannya, yang bebas dari sebarang elaun. Pendedahan risiko kredit adalah dikira dari masa ke semasa dan dibandingkan dengan had kredit yang dibenarkan sebelum urusniaga selanjutnya diakujanji dengan setiap pihak penimbal. Syarikat tidak menjangkakan mana-mana syarikat penimbal akan gagal memenuhi obligasi mereka berdasarkan penarafan kredit yang tinggi dan justeru itu tidak memerlukan sandaran atau cagar lain.

## Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan (sambung)

### 5. HARTANAH DAN PERALATAN

2008	Kenderaan Bermotor RM	Peralatan EDP RM	Peralatan Pejabat RM	Perabot Dan Kelengkapan RM	Pengubahsuaian RM	Bangunan Pegangan RM	Bangunan Pajak RM	Jumlah RM
<b>Nilai buku bersih</b>								
Pada 1 Januari	822,193	352,737	384,520	209,289	55,463	1,048,667	5,837,077	8,709,946
Penambahan	171,250	202,924	40,674	16,688	46,942	-	-	478,478
Perlupusan	(76,495)	(155)	(11,202)	(9,876)	-	-	-	(97,728)
Kerugian penjejasan nilai	-	-	-	-	-	-	(278,891)	(278,891)
Susutnilai	(93,026)	(220,009)	(81,968)	(50,778)	(32,944)	(22,000)	(69,263)	(569,988)
Pada 31 Disember	823,922	335,497	332,024	165,323	69,461	1,026,667	5,488,923	8,241,817
<b>Pada 31 Disember</b>								
Kos	1,449,272	2,898,099	1,081,970	945,861	2,276,211	1,954,337	6,422,252	17,028,002
Kerugian penjejasan nilai terkumpul	-	-	-	-	-	(724,047)	(461,339)	(1,185,386)
Susutnilai terkumpul	(625,350)	(2,562,602)	(749,946)	(780,538)	(2,206,750)	(203,623)	(471,990)	(7,600,799)
Nilai Buku Bersih	823,922	335,497	332,024	165,323	69,461	1,026,667	5,488,923	8,241,817

Risiko, ganjaran dan hakmilik berkesan kepada bangunan pegangan bebas dan pegangan pajak telah disampaikan kepada Syarikat berikutan penyempurnaan tidak bersyarat perjanjian jual-beli. Syarikat telah mengemukakan dokumen dokumen yang berkenaan kepada pihak berkuasa tanah untuk pemindahan hakmilik kepada Syarikat dan masih menunggu siapnya proses dan formaliti pemindahan tersebut.

2007	Kenderaan Bermotor RM	Peralatan EDP RM	Peralatan Pejabat RM	Perabot Dan Kelengkapan RM	Pengubahsuaian RM	Bangunan Pegangan RM	Bangunan Pajak RM	Jumlah RM
<b>Nilai buku bersih</b>								
Pada 1 Januari	853,347	591,267	440,418	267,840	148,485	1,070,667	5,906,902	9,278,926
Penambahan	-	58,986	29,900	-	-	-	-	88,886
Perlupusan	(13,148)	(2,995)	(1,498)	-	-	-	-	(17,641)
Susutnilai	(18,006)	(294,521)	(84,300)	(58,551)	(93,022)	(22,000)	(69,825)	(640,225)
Pada 31 Disember	822,193	352,737	384,520	209,289	55,463	1,048,667	5,837,077	8,709,946
<b>Pada 31 Disember</b>								
Kos	1,553,187	2,824,139	1,118,864	977,690	2,302,786	1,954,337	6,422,252	17,153,255
Kerugian penjejasan nilai terkumpul	-	-	-	-	-	(724,048)	(182,447)	(906,495)
Susutnilai terkumpul	(730,994)	(2,471,402)	(734,344)	(768,401)	(2,247,323)	(181,622)	(402,728)	(7,536,814)
Nilai Buku Bersih	822,193	352,737	384,520	209,289	55,463	1,048,667	5,837,077	8,709,946

Risiko, ganjaran dan hakmilik berkesan kepada bangunan pegangan bebas dan pegangan pajak telah disampaikan kepada Syarikat berikutan penyempurnaan tidak bersyarat perjanjian jual-beli. Syarikat telah mengemukakan dokumen dokumen yang berkenaan kepada pihak berkuasa tanah untuk pemindahan hakmilik kepada Syarikat dan masih menunggu siapnya proses dan formaliti pemindahan tersebut.

## 6. HARTANAH PELABURAN

	2008 RM	2007 RM
Pada 1 Januari/31 Disember	350,000	350,000

Nilai saksama harta benda dianggarkan RM350,000 berdasarkan penilaian yang dijalankan oleh sebuah syarikat jurunilai profesional bebas dari Tetuan C H Williams Talhar & Wong pada Oktober 2008. Pendapatan sewaan yang diperoleh dan perbelanjaan pemasaran dan pentadbiran yang berkaitan adalah dinyatakan di nota 22.

## 7. PELABURAN

	2008		2007	
	Nilai Bawaan RM	Nilai Pasaran RM	Nilai Bawaan RM	Nilai Pasaran RM
<b>Pada kos:</b>				
Sekuriti Kerajaan Malaysia	160,943,762		109,860,363	
Perlunasan premium bersih	(2,201,481)		(3,265,885)	
	<u>158,742,281</u>	<u>159,724,066</u>	<u>106,594,478</u>	<u>106,831,265</u>
<b>Pada kos:</b>				
Bil perbendaharaan	4,949,979		38,384,227	
Pengumpulan bersih diskaun	19,890		38,163	
	<u>4,969,869</u>	<u>4,970,582</u>	<u>38,422,390</u>	<u>38,422,390</u>
Disebutharga di Malaysia, pada kos:				
Ekuiti sekuriti untuk syarikat	21,294,930		-	
Penjejakan nilai ke atas pelaburan	(4,034,646)		-	
	<u>17,260,284</u>	<u>17,260,284</u>	<u>-</u>	<u>-</u>
Deposit tetap dan panggilan dengan:				
Bank-bank berlesen	54,044,354		95,125,690	
	<u>54,044,354</u>		<u>95,125,690</u>	
<b>Jumlah pelaburan</b>	<u>235,016,788</u>		<u>240,142,558</u>	

Struktur kematangan Sekuriti Kerajaan Malaysia adalah seperti berikut:

	2008 RM	2007 RM
Matang dalam tempoh 12 bulan	79,422,737	55,475,885
Matang selepas 12 bulan	79,319,544	51,118,593
	<u>158,742,281</u>	<u>106,594,478</u>

Kesemua bil perbendaharaan, deposit tetap dan panggilan pada tarikh lembaranimbangan matang dalam tempoh 12 bulan.

## Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan (sambung)

### 8. PENERIMAAN DAN LAIN-LAIN ASET

	2008 RM	2007 RM
<b>Penerimaan perdagangan:</b>		
Premium terhutang termasuk baki agen/broker dan penginsuran bersama	15,482,916	14,330,311
Peruntukan hutang ragu	(1,210,087)	(2,219,539)
	<u>14,272,829</u>	<u>12,110,772</u>
Jumlah terhutang daripada penginsuran semula dan penyerah	3,548,402	3,717,547
Peruntukan hutang ragu	(2,217,767)	(2,772,244)
	<u>1,330,635</u>	<u>945,303</u>
	<u>15,603,464</u>	<u>13,056,075</u>
<b>Lain-lain aset:</b>		
Faedah pendapatan hutang dan terakru	2,254,706	3,147,596
Aset dipegang di bawah Malaysian Motor Insurance Pool	2,942,254	2,492,557
Deposit	329,211	303,491
Prabayar	134,864	145,418
	<u>5,661,035</u>	<u>6,089,062</u>
Lain-lain aset	<u>1,700,408</u>	<u>1,717,106</u>
	<u>1,700,408</u>	<u>1,717,106</u>
	<u>7,361,443</u>	<u>7,806,168</u>
	<u>22,964,907</u>	<u>20,862,243</u>

Turut terangkum dalam premium belum-terjelas ialah suatu amaun RM140,776 (2007: RM97,934) yang terhutang oleh MBf Corporation Group seperti yang dinyatakan di nota 25 kepada penyata kewangan.

Turut terangkum dalam amaun yang terhutang oleh penginsurans semula dan penyerah pada tahun kewangan sebelumnya adalah suatu amaun RM194,827 yang terhutang oleh perbadanan induk, seperti yang dinyatakan dalam nota 25 kepada penyata kewangan.

## 9. ASET CUKAI TERTUNDA

Aset dan liabiliti cukai tertunda adalah diopset apabila terdapat hak yang boleh dikuatkuasakan secara undang-undang untuk mengurus aset cukai semasa terhadap liabiliti aset semasa dan apabila cukai tertunda tersebut adalah berhubungkait dengan pihak berkuasa percukaian yang sama. Amaun berikut, yang ditentukan selepas opset yang berkaitan, adalah ditunjukkan dalam lembaran imbalan:

	2008 RM	2007 RM
Pada 1 Januari	3,652,853	2,673,517
(Dicaj)/dikredit kepada penyata pendapatan (nota 21)	(353,137)	979,336
Pada 31 Disember	3,299,716	3,652,853

Pergerakan aset cukai tertunda pada tahun kewangan merangkumi kesan cukai yang berikut:

	Pada 1 Januari RM	(Caj)/ kredit RM	Pada 31 Disember RM
<b>2008</b>			
(Dicaj)/dikredit kepada penyata pendapatan (nota 21):			
Lebihan elaun modal meliputi susutnilai	(209,255)	(45,717)	(254,972)
Pengumpulan diskaun ditolak pelunasan premium	839,208	(293,810)	545,398
Peruntukan am bagi hutang ragu	1,082,719	(415,503)	667,216
Rizab premium tidak terperolehi	557,172	229,887	787,059
Dividen terakru	-	(8,896)	(8,896)
Manfaat pekerja terakru	113,689	(8,440)	105,249
Lain-lain peruntukan	1,269,320	(819,320)	450,000
Elaun penghausan nilai pelaburan	-	1,008,662	1,008,662
	3,652,853	(353,137)	3,299,716
<b>2007</b>			
Lebihan elaun modal meliputi susutnilai	(264,769)	55,514	(209,255)
Pengumpulan diskaun ditolak pelunasan premium	1,099,854	(260,646)	839,208
Elaun am bagi hutang ragu	1,450,446	(367,727)	1,082,719
Rizab premium tidak terperolehi	368,566	188,606	557,172
Dividen terakru	(40,916)	40,916	-
Manfaat pekerja terakru	60,336	53,353	113,689
Lain-lain peruntukan	-	1,269,320	1,269,320
	2,673,517	979,336	3,652,853

## 10. PERUNTUKAN TUNTUTAN TERTUNGGAK

	2008 RM	2007 RM
Peruntukan tuntutan tertunggak	182,801,441	175,149,202
Jumlah yang diperolehi daripada insurans semula	(86,971,389)	(79,338,222)
Peruntukan tuntutan bersih tertunggak	95,830,052	95,810,980

## Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan (sambung)

### 11. TUNTUTAN BERSIH TERTANGGUNG

	Kebakaran RM	Kenderaan RM	Perkapalan RM	Pelbagai RM	Jumlah RM
<b>2008</b>					
Tuntutan kasar dibayar tolak salvaj	12,576,644	10,491,641	4,539,722	10,714,604	38,322,611
Pemulihan insurans semula	(2,975,514)	(1,933,168)	(883,144)	(1,028,491)	(6,820,317)
Tuntutan bersih dibayar	9,601,130	8,558,473	3,656,578	9,686,113	31,502,294
Tuntutan bersih yang belum dijelaskan:					
Pada 31 Disember	11,922,228	32,000,834	12,479,052	39,427,938	95,830,052
Pada 1 Januari	(12,711,991)	(37,227,015)	(6,772,150)	(39,099,824)	(95,810,980)
Tuntutan bersih tertanggung	8,811,367	3,332,292	9,363,480	10,014,227	31,521,366
<b>2007</b>					
Tuntutan kasar dibayar tolak salvaj	8,951,101	13,367,765	6,447,405	12,890,973	41,657,244
Pemulihan insurans semula	(443,426)	(771,238)	(2,664,454)	(4,367,422)	(8,246,540)
Tuntutan bersih dibayar	8,507,675	12,596,527	3,782,951	8,523,551	33,410,704
Tuntutan bersih yang belum dijelaskan:					
Pada 31 Disember	12,711,991	37,227,015	6,772,150	39,099,824	95,810,980
Pada 1 Januari	(10,181,026)	(47,773,159)	(5,468,490)	(35,717,675)	(99,140,350)
Tuntutan bersih ditanggung	11,038,640	2,050,383	5,086,611	11,905,700	30,081,334

### 12. PEMBAYARAN DAN LAIN-LAIN LIABILITI

	2008 RM	2007 RM
<b>Pembayaran perdagangan:</b>		
Jumlah terhutang kepada ejen, broker, insurans bersama dan yang diinsurans	2,726,965	3,102,865
Jumlah terhutang kepada insurans semula dan penyerah	5,430,241	4,320,282
	8,157,206	7,423,147
<b>Lain-lain Liabiliti:</b>		
Liabiliti penggajian	2,366,967	1,992,468
Duti dan lain-lain cukai perlu dibayar	196,839	536,487
Akruan bagi Levi IGSF	207,744	314,213
Perbelanjaan terakru	5,638,822	6,527,304
Terakru bagi pelan berasas-saham terjelus-tunai kakitangan (nota 13)	226,000	190,000
Lain-lain liabiliti	1,039,912	804,299
	9,676,284	10,364,771
	17,833,490	17,787,918

Turut terangkum dalam amaun yang terhutang kepada penginsurans semula dan sedan ialah satu amaun RM1,013,371 (2007: RM Tiada) yang terhutang kepada perbadanan induk, seperti yang dinyatakan dalam nota 25 kepada penyata kewangan.

Turut terangkum dalam perbelanjaan terakru ialah satu amaun RM3,600,000 (2007: RM4,882,000) yang diperuntukkan sebagai caj Ibu Pejabat dan IT dari perbadanan induk, seperti yang dinyatakan dalam nota 25 kepada penyata kewangan.

Turut terangkum dalam perbelanjaan yang terhutang kepada agen, broker, insurans bersama dan yang diinsurans pada tahun kewangan sebelumnya ialah satu amaun RM1,843 yang terhutang kepada MBf Corporation Group seperti yang dinyatakan dalam nota 25 kepada penyata kewangan.

### 13. PELAN FAEDAH BERASAS-SAHAM TERJELAS-TUNAI KAKITANGAN

Kakitangan Syarikat adalah dipelawa untuk menyertai pelan faedah berasas-saham terjelasa-tunai yang ditawarkan oleh syarikat induk muktamadnya, QBE Group Limited.

Pemberian ini akan dibayar kepada kakitangan tetap yang layak yang memenuhi syarat-syarat perkhidmatan minimum dan selepas tempoh penahanan tiga tahun dengan syarat bahawa kakitangan berkenaan masih berkhidmat dengan Syarikat pada masa itu.

Perincian tentang pelan tersebut adalah seperti berikut:

	2008		2007	
	Bil. Unit	Nilai Pemberian RM	Bil. Unit	Nilai Pemberian RM
Dilaksanakan: Pada 31 Disember (nota 12 dan 20)	4,169	226,000	3,576	190,000

Nilai saksama bagi pemberian yang dianugerah pada tahun kewangan telah ditentukan menggunakan harga penutup saham QBE Insurance Group Limited's pada lembaran imbalan dan dividen tunai terjangka bagi tahun hak-terima. Input besar kepada pengiraan tersebut adalah seperti berikut:

	2008 AUD\$	2007 AUD\$
Harga penutup pasaran (sesaham)	26.00	33.34
Dividen tunai terjangka (setiap anugerah)	0.68	0.63

### 14. RIZAB PREMIUM TIDAK TERPEROLEH

	Kebakaran RM	Kenderaan RM	Perkapalan Penerbangan & Transit RM	Pelbagai RM	Jumlah RM
<b>2008</b>					
Pada 1 Januari	10,699,825	5,890,088	4,687,306	16,534,966	37,812,185
Pertambahan dalam rizab premium tidak terperoleh	1,085,800	1,010,349	1,856,604	1,107,388	5,060,141
Pada 31 Disember	11,785,625	6,900,437	6,543,910	17,642,354	42,872,326
<b>2007</b>					
Pada 1 Januari	11,533,573	5,733,893	3,383,700	17,037,244	37,688,410
Pertambahan/(pengurangan) dalam rizab premium tidak terperoleh	(833,748)	156,195	1,303,606	(502,278)	123,775
Pada 31 Disember	10,699,825	5,890,088	4,687,306	16,534,966	37,812,185

## Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan (sambung)

### 15. KAKITANGAN PENGURUSAN UTAMA

Kakitangan pengurusan utama adalah mereka yang ditakrif sebagai mempunyai kuasa dan tanggungjawab bagi merancang, mengarah dan mengawal kegiatan Syarikat, sama ada secara langsung atau tidak langsung, termasuk mana-mana pengarah (eksekutif atau bukan-eksekutif).

Jumlah Imbuan Para Pengarah adalah dinyatakan dalam nota 20 kepada penyata kewangan.

Pampasan bagi lain-lain kakitangan pengurusan utama (termasuk Pengarah Eksekutif) adalah seperti berikut:-

	2008 RM	2007 RM
Gaji dan lain-lain ganjaran	1,601,351	1,597,696
Faedah bukan-wang	221,475	196,409
	<u>1,822,826</u>	<u>1,794,105</u>

### 16. MODAL SAHAM

	2008		2007	
	Bilangan saham	RM	Bilangan saham	RM
Saham biasa yang sah pada nilai RM0.50 sesaham:				
Pada 1 Januari/31 Disember	400,000,000	200,000,000	400,000,000	200,000,000
Diterbitkan dan dibayar penuh pada nilai RM0.50 sesaham:				
Pada 1 Januari/31 Disember	216,000,000	108,000,000	216,000,000	108,000,000

### 17. PEROLEHAN SESAHAM

Perolehan sesaham biasa telah dikira berdasarkan keuntungan bersih bagi tahun kewangan iaitu RM10,747,523 (2007: RM17,421,449) dan jumlah purata berwajaran saham biasa yang telah diterbitkan pada tahun kewangan sebanyak 216,000,000 (2007: 216,000,000).

### 18. DIVIDEN

Dividen dibayar berhubung tahun kewangan adalah seperti berikut:-

	Dividen kasar sesaham Sen	Jumlah dividen bersih dari cukai RM
<b>2008</b>		
Dividen interim 11.8 sen sesaham, tolak cukai pendapatan 26%	11.80	18,861,120
<b>2007</b>		
Dividen interim 2.59 sen sesaham, tolak cukai pendapatan 27%	2.59	4,083,912

### 19. PENDAPATAN TERTAHAN BOLEH DIAGIH

Syarikat-syarikat dengan kredit Seksyen 108 pada 31 Disember 2007 boleh terus membayar dividen terwajar hingga kredit Seksyen 108 itu habis digunakan atau 31 Disember 2013 mengikut mana yang lebih awal melainkan syarikat-syarikat tersebut memilih untuk tidak mengambilkira kredit Seksyen 108 untuk membayar dividen peringkat-tunggal di bawah peruntukan peralihan khas Akta Kewangan 2007.

Pada 31 Disember 2008, tertakluk kepada persetujuan pihak berkuasa percukaian, terdapat kredit cukai Seksyen 108 yang mencukupi untuk mewajari seluruh pendapatan tertahan bagi Syarikat, jika dibayar sebagai dividen.

## 20. PERBELANJAAN PENGURUSAN

	2008 RM	2007 RM
<b>Dana Am</b>		
Gaji pekerja dan bonus	9,034,343	8,846,069
Pelan caruman tertakrif	1,307,050	1,228,883
Pelan berasas-saham terjelas-tunai kakitangan (nota 13)	50,659	118,000
Lain-lain manfaat pekerja	885,564	780,598
	<hr/>	<hr/>
Kos pekerja	11,277,616	10,973,550
Pengarah eksekutif:		
Gaji	488,754	669,855
Bonus	58,386	182,344
Pelan caruman tertakrif	41,092	72,605
Lain-lain ganjaran	957,016	224,623
Pengarah bukan-eksekutif:		
Yuran	60,000	60,000
Lain-lain imbuhan	5,000	6,000
	<hr/>	<hr/>
Jumlah imbuhan para pengarah	1,610,248	1,215,427
Susutnilai hartanah dan peralatan	569,988	640,225
Ganjaran Juruaudit	103,950	99,000
Sewa peralatan	67,510	72,680
Sewa pejabat	531,396	518,181
Perbelanjaan EDP	1,719,338	2,401,177
Perbelanjaan telekomunikasi	288,990	361,483
Perbelanjaan perjalanan	1,084,279	975,414
Levi IGSF	203,097	178,319
Hutang Lapuk dan Ragu:		
Pemulihan peruntukan hutang ragu	(1,563,928)	(1,076,282)
Pemulihan hutang lapuk dilupuskan	(19,478)	(4,750)
Hutang lapuk dilupuskan	717,017	556,104
Lain-lain perbelanjaan	2,994,850	4,548,935
	<hr/>	<hr/>
	19,584,873	21,459,463
<b>Dana pemegang saham</b>		
Lain-lain perbelanjaan/(pendapatan)	23,669	33,777
	<hr/>	<hr/>
	19,608,542	21,493,240
Nilai wang bagi faedah bukan-tunai pengarah	<hr/>	<hr/>
	221,845	186,174

Turut terangkum dalam ganjaran Pengarah Eksekutif ialah ganjaran termasuk faedah bukan tunai teragih kepada Ketua Pegawai Eksekutif dari penginsuran sepanjang tahun yang berjumlah RM1,692,597 (2007: RM1,015,222).

## Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan (sambung)

### 21. PERBELANJAAN CUKAI

	2008 RM	2007 RM
Cukai semasa	4,343,986	8,833,404
Cukai tertunda (nota 9)	353,137	(979,336)
	<hr/>	<hr/>
Perbelanjaan cukai	4,697,123	7,854,068
<b>Cukai semasa</b>		
Tahun semasa	5,348,674	8,427,659
(Lebih)/kurang terakru di tahun sebelumnya	(1,004,688)	405,745
<b>Cukai tertunda</b>		
Asalan dan penerbalikan perbezaan sementara	221,148	(1,119,830)
Pertukaran dalam kadar cukai	131,989	140,494
	<hr/>	<hr/>
	4,697,123	7,854,068
 (a) Pengumpulan semula cukai prima facie kepada perbelanjaan cukai pendapatan: Keuntungan sebelum cukai	 15,444,646	 25,275,517
 Cukai dikira mengikut kadar cukai Malaysia 26% (2007: 27%) Kesan cukai bagi:	 4,015,608	 6,824,390
Perbelanjaan tidak-boleh-tolak	579,860	272,972
Perbelanjaan insurans semula asing tidak-boleh-tolak	118,754	844,346
Pendapatan dikecualikan cukai	(61,393)	(30,236)
Perbezaan sementara yang tidak diambilkira sebelumnya	916,993	(603,643)
Pertukaran dalam kadar cukai	131,989	140,494
(Lebih)/kurang terakru di tahun-tahun sebelumnya	(1,004,688)	405,745
	<hr/>	<hr/>
Perbelanjaan cukai	4,697,123	7,854,068

### 22. PENDAPATAN PELABURAN

	2008 RM	2007 RM
<b>Dana Am</b>		
Manfaat daripada:		
Sekuriti Kerajaan Malaysia	5,524,308	7,645,191
Deposit tetap dan panggilan	2,689,193	3,347,384
Pelunasan premium tolak penambahan diskaun	399,738	(2,777,635)
Dividen kasar dari ekuiti sekuriti disembutharga di Malaysia	829,226	1,142,567
Pelaburan hartanah:		
Pendapatan sewaan kasar	21,600	21,600
Kadar dan penyenggaraan pelaburan hartanah	(15,119)	(15,120)
Lain-lain	-	135,508
	<hr/>	<hr/>
	9,448,946	9,499,495

## 23. LAIN-LAIN PENDAPATAN - BERSIH

	2008 RM	2007 RM
<b>Dana Am</b>		
(Kerugian)/keuntungan dari perlupusan pelaburan	(366,371)	7,479,057
Penjejasan nilai ke atas pelaburan	(4,034,646)	-
(Kerugian)/keuntungan direalisasi daripada pertukaran matawang asing	(9,116)	56,364
Keuntungan dari perlupusan hartanah dan peralatan	28,161	70,878
Penjejasan nilai ke atas pelaburan hartanah	(278,891)	-
Lain-lain perbelanjaan	(325,879)	(317,083)
	<u>(4,986,742)</u>	<u>7,289,216</u>

## 24. PENDAPATAN OPERASI

	2008 RM	2007 RM
<b>Dana Am</b>		
Pendapatan operasi termasuk:		
Pendapatan premium kasar	95,235,053	137,645,943
Pendapatan pelaburan (nota 22)	9,448,946	9,499,495
	<u>104,683,999</u>	<u>147,145,438</u>

## 25. PENDEDAHAN PIHAK BERKAITAN

Selain pendedahan syarikat berkaitan yang dinyatakan di bahagian lain penyata kewangan, berikut dibentangkan lain-lain pendedahan penting syarikat berkaitan.

Pihak-pihak berkaitan bagi, dan perhubungan masing-masing dengan Syarikat, adalah seperti berikut:

### Pihak Berkenaan

QBE Insurance Group Limited  
(Diperbadankan di Australia)  
QBE Insurance (International) Ltd.  
(Diperbadankan di Australia)  
MBf Premier Berhad  
MBf Corporation Berhad

### Perhubungan

Syarikat induk muktamad  
Syarikat induk terdekat  
Pemegang saham utama  
Syarikat Induk MBf Premier Berhad

Dalam perjalanan biasa perniagaan, Syarikat mengakukan pelbagai urusan dengan lain-lain syarikat yang disifatkan sebagai pihak berkaitan disebabkan menjadi subsidiari dan syarikat sekutu MBf Corporation Berhad. yang secara kolektifnya dikenali sebagai Kumpulan MBF. Syarikat menjual polisi-polisi insurans kepada pihak-pihak berkaitan, mengikut terma dan syarat yang tidak bersifat lebih menarik daripada yang tersedia atas urusan yang serupa kepada kakitangan dan pelanggannya. Lain-lain urusan pihak berkaitan dilaksanakan mengikut terma dan syarat yang tidak bersifat lebih menarik kepada pihak-pihak tidak berkaitan.

## Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan (sambung)

### 25. PENDEDAHAN PIHAK BERKAITAN (sambung)

Urusniaga penting pihak berkaitan sepanjang tahun kewangan dan baki di hujung tahun kewangan antara Syarikat dengan pihak-pihak berkaitan ini adalah dibentangkan seperti berikut:

	2008 RM	2007 RM
<b>Premium Pendapatan</b>		
- MBf Corporation Group	360,632	434,490
<b>Komisen Dibayar</b>		
- MBf Corporation Group	(43,037)	(42,545)
<b>Pemulihan Tuntutan Insurans Semula</b>		
- QBE Insurance (International) Ltd.	3,052,376	4,397,690
<b>Insurans Semula Premium Diserah</b>		
- QBE Insurance (International) Ltd.	(11,509,077)	(9,673,557)
<b>Perbelanjaan</b>		
- QBE Insurance (International) Ltd.		
Levi IGFSF	28,773	24,176
Skim Insentif Saham Kakitangan	(56,914)	(60,459)
Bayaran pemprosesan data	(2,060,000)	(1,445,669)
Perkhidmatan lain	(1,800,000)	(1,875,082)

Amaun terhutang oleh/(kepada) entiti berkaitan pada tarikh lembaranimbangan adalah seperti berikut:

	Nota	2008 RM	2007 RM
<b>Syarikat Induk:</b>			
Penerimaan perdagangan	8	-	194,827
Pembayaran perdagangan	12	(1,013,371)	-
Lain-lain pembayaran		(64,927)	(87,630)
Perbelanjaan terakru			
- Akruan bagi caj Ibu Pejabat dan IT	12	(3,600,000)	(4,882,000)
		(4,678,298)	(4,969,630)
<b>Kumpulan MBf Corporation:</b>			
Penerimaan perdagangan	8	140,776	97,934
Pembayaran perdagangan	12	-	(1,843)

Amaun terhutang oleh/(kepada) pihak-pihak berkaitan adalah tidak bercagar, tanpa faedah dan tidak dikenakan terma pembayaran balik yang tetap.

## 26. INFORMASI SEGMENT ALIRAN TUNAI

	2008			2007		
	Dana Am RM	Dana Pemegang Saham RM	Jumlah RM	Dana Am RM	Dana Pemegang Saham RM	Jumlah RM
Aliran Tunai Dari:						
Aktiviti-aktiviti operasi	17,598,902	-	17,598,902	2,268,090	-	2,268,090
Aktiviti-aktiviti pelaburan	(352,589)	-	(352,589)	(367)	-	(367)
Aktiviti-aktiviti kewangan	(18,861,120)	-	(18,861,120)	(4,083,912)	-	(4,083,912)
	<u>(1,614,807)</u>	<u>-</u>	<u>(1,614,807)</u>	<u>(1,816,189)</u>	<u>-</u>	<u>(1,816,189)</u>
Pengurangan dalam wang tunai dan setaraan tunai	(1,614,807)	-	(1,614,807)	(1,816,189)	-	(1,816,189)
Wang tunai dan setaraan tunai:						
Pada 1 Januari	13,813,215	-	13,813,215	15,629,404	-	15,629,404
Pada 31 Disember	<u>12,198,408</u>	<u>-</u>	<u>12,198,408</u>	<u>13,813,215</u>	<u>-</u>	<u>13,813,215</u>

## 27. KOMITMEN PAJAKAN OPERASI YANG TIDAK-BOLEH BATAL

	Bayaran pajakan minimum masa depan	
	2008 RM	2007 RM
<b>Dana Am</b>		
Tidak melebihi 1 tahun	55,130	67,710
Selepas 1 tahun dan tidak melebihi 5 tahun	89,875	145,086
	<u>145,005</u>	<u>212,796</u>

## 28. PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN

Penyata kewangan telah disahkan untuk terbitan mengikut resolusi para pengarah pada 10 Februari 2009.